



FTKw

# PENGURUSAN WARISAN SENI BINA : TINJAUAN DI ISTANA BALAI BESAR, ALOR SETAR.

Oleh

NUR IZZATI BINTI RAMLI.

Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi keperluan  
bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

KELANTAN

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti dan Institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).




SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Nur Izzati binti Ramli  
Jamal

980918 – 02 – 6172

Tarikh: 25/02/2022

Tandatangan Penyelia Utama

DAENG HALIZA DAENG JAMAL, PhD.  
Pensyarah  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan

Dr Daeng Haliza Daeng

Tarikh: 27022022

Nota \* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan tempoh dan sebab- sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Bismillahirahmannirahim. Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S. W.T, kerana dengan izin limpah kurnia daripadaNYA maka dapat saya laksanakan projek penyelidikan ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya, Cik Daeng Haliza Binti Daeng Jamal di atas kesabaran beliau dalam memberi tunjuk ajar, sumbangan idea serta sokongan moral dalam memastikan saya dapat menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Ribuan terima kasih ini juga saya tujukan kepada responden-responden temubual saya kerana sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama yang baik bagi membantu saya memperolehi maklumat berkaitan objektif kajian. Kerjasama mereka amat dihargai.

Dalam kesempatan ini juga, saya merakamkan sekalung penghargaan kepada ibu bapa saya yang telah memberikan sokongan dan dorongan semasa saya menjalankan kajian ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada kesemua rakan seperjuangan saya yang sentiasa membantu saya sepanjang menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pentadbiran Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang telah memberi kebenaran kepada saya bagi melaksanakan projek penyelidikan ini.

## ISI KANDUNGAN

	MUKA
<b>SURAT</b>	
<b>PERAKUAN TESIS</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii – vii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>viii</b>
<b>BAB I PENDAHULUAN</b>	
1.1 PENGENALAN	1 – 3
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	4
1.3 PERSOALAN KAJIAN	5
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	5
1.5 SKOP KAJIAN	6
1.6 DEFINISI OPERASIONAL	7
1.6.1 PENGURUSAN WARISAN	7 – 8
1.6.2 PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN	8 – 9
1.6.3 ISTANA BALAI BESAR	10
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN	10
1.7.1 INDIVIDU	10
1.7.2 MASYARAKAT	10 – 11
1.8 ORGANISASI PENULISAN	11 – 12
<b>BAB II KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 PENGENALAN	13
2.2 TEORI FUNGSIONALISME	13 – 15
2.3 SOROTAN KAJIAN LEPAS	16

2.3.1 PENGURUSAN WARISAN	16 – 18
2.3.2 PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN	18 – 24
2.3.3 SENI BINA ISTANA BALAI BESAR	24 – 26
2.4 KERANGKA TEORITIKAL	26 – 27
2.5 KESIMPULAN	28
<b>BAB III METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 PENGENALAN	29
3.2 PROSES PENGUMPULAN DATA	30
3.2.1 DATA PRIMER	30 – 31
3.2.2 DATA SEKUNDER	31 – 32
3.2.3 DATA KUALITATIF	32
3.2.4 REKA BENTUK KAJIAN	32
REKA BENTUK KUALITATIF	32 – 33
3.2.5 INSTRUMEN KAJIAN	34
TEMUBUAL	34 – 35
KAJIAN KEPUSTAKAAN	35
3.3 KAEDAH ANALISIS DATA	35 – 36
3.3.1 ANALISIS DATA KUALITATIF	36 – 38
3.4 KESAHAH DAN KEBOLEHPERCAYAAN	39
3.4.1 KESAHAH ALAT TEMU BUAL DAN KAJIAN KEPUSTAKAAN (KUALITATIF)	39
3.4.2 KEBOLEHPERCAYAAN ALAT TEMU BUAL DAN KAJIAN KEPUSTAKAAN (KUALITATIF)	40

3.5	KESIMPULAN	41
<b>BAB IV ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>		
4.1	PENGENALAN	42 – 43
4.2	ANALISIS DAPATAN TEMUBUAL	43 – 45
4.3	PEMBINAAN ISTANA BALAI BESAR	46
4.3.1	SEJARAH PEMBINAAN ISTANA BALAI BESAR	46 – 48
4.3.2	STRUKTUR BINAAN ISTANA BALAI BESAR	48 – 53
4.4	FUNGSI ISTANA BALAI BESAR	54
4.4.1	FUNGSI TERDAHULU DAN TERKINI ISTANA BALAI BESAR	54 – 57
4.5	PERANAN PIHAK BERTANGGUNGJAWAB DALAM PENGURUSAN ISTANA BALAI BESAR	57 – 58
4.5.1	PENGLIBATAN PIHAK BERTANGGUNGJAWAB DALAM PENGURUSAN WARISAN	58 – 60
4.5.2	PENGLIBATAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DAN KOMUNITI DALAM PENGURUSAN ISTANA BALAI BESAR	61 – 62
4.6	ANALISIS DAPATAN KAJIAN KEPUSTAKAAN	63
4.6.1	SEJARAH PEMBINAAN ISTANA BALAI BESAR	63
4.6.2	STRUKTUR BINAAN ISTANA BALAI BESAR	63 – 64
4.6.3	FUNGSI ISTANA BALAI BESAR	64
4.7	ANALISIS PENDEKATAN FUNGSIONALISME	64 – 68

TALCOTT PARSONS (1937)		
4.8	KESIMPULAN	69
<b>BAB V RUMUSAN DAN PENUTUP</b>		
5.1	RUMUSAN	70 – 73
5.2	PENUTUP	73 – 74
<b>RUJUKAN</b>		75 – 77
<b>LAMPIRAN</b>		
LAMPIRAN A		78 – 92
APPENDIK C		93

NO.	SENARAI GAMBAR	MUKA SURAT
1.1	LOKASI BALAI BESAR ALOR SETAR	6
1.2	BALAI BESAR ALOR SETAR	6
4.1	BANGUNAN ASAL BALAI BESAR ALOR SETAR	48
4.2	BANGUNAN BALAI BESAR ALOR SETAR SEKARANG	48
4.3	TEBAR LAYAR DENGAN UKIRAN MATAHARI MEMANCAR REMBANG PENGARUH SIAM	51
4.4	ATAP BALAI BESAR YANG DIPERBUAT DARIPADA KAYU DAMAR	51
4.5	3 LAPISAN CERMIN DARI CHINA DENGAN UKIRAN AWAN LARAT	52
4.6	UKIRAN DAUN DAN BUNGA YANG TERLETAK DI ANTARA 2 PINTU BALAI BESAR	52
4.7	TAPAK GANTUNGAN LAMPU DENGAN CORAK BUNGA TERUNG	53
4.8	BAHAGIAN ATAS TIANG BALAI BESAR DENGAN CORAK AWAN LARAT	53
4.9	UPACARA SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN	56

	PEMERINTAHAN KDYMM SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH	
4.10	LAWATAN PEGAWAI KERAJAAN SIAM DI BALAI BESAR KEDAH	56
4.11	PERAYAAN PERKHAWINAN TENGKU MAHMUD	57
4.12	ISTIADAT LETAK KERJA	57
4.13	JADUAL PROGRAM “WALKING DISTANCE”	60
<b>NO.</b>	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	KERANGKA TEORI FUNGSIONALISME TALCOTT PARSONS (1937)	27
4.1	KERANGKA TEORITIKAL PENURUSAN WARISAN SENI BINA : TINJAUAN DI ISTANA BALAI BESAR, ALOR SETAR	68
<b>NO.</b>	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.1	KOD LABEL RESPONDEN DAN HURAIAN	43
4.2	MAKLUMAT RESPONDEN	44
4.3	TEMA DAN SUB TEMA TEMU BUAL	45

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan meneroka sejarah pembinaan dan fungsi Istana Balai Besar Alor Setar serta menganalisis penglibatan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan warisan bagi memelihara dan memulihara Istana Balai Besar, Alor Setar. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif iaitu temubual dan kajian kepustakaan. Penglibatan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan warisan bagi memelihara dan memulihara Istana Balai Besar, Alor Setar ditinjau dengan menggunakan teori Fungsionalisme oleh Talcott Parsons 1937. Hasil dapatan kajian melalui temubual yang dianalisis menunjukkan majoriti responden mempunyai pengetahuan tentang sejarah pembinaan dan fungsi Istana Balai Besar Alor Setar. Penglibatan responden di dalam pengurusan Istana Balai Besar adalah ditahap baik dan memuaskan. Namun begitu, faktor keizinan pihak kerajaan negeri menyebabkan aktiviti pengurusan yang dilakukan terbatas. Oleh itu, aktiviti pengurusan terbaik yang dapat dilakukan oleh pihak responden adalah melalui penyebaran maklumat berkaitan Istana Balai Besar Alor Setar kepada orang awam.

## **ABSTRACT**

This study aims to explore the history of the construction and function of Istana Balai Besar, Alor Setar as well as analyze the involvement of those responsible in heritage management to preserve and conserve Istana Balai Besar, Alor Setar. The research method used in this study is a qualitative method that is interview and literature review. The involvement of those responsible in heritage management to preserve and conserve Istana Balai Besar, Alor Setar was survey using the theory of Functionalism by Talcott Parsons 1937. The results of the study through interviews analyzed showed that the majority of respondents have knowledge of the history of construction and function of Istana Balai Besar, Alor Setar. The involvement of the respondents in the management of Istana Balai Besar, Alor Setar is at a good and satisfactory level. However, the consent factor of the state government causes the management activities carried out are limited. Therefore, the best management activities that can be done by the respondents is through the dissemination of information related to Istana Balai Besar, Alor Setar to public.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Alor Setar ialah sebuah kawasan bandar yang terdapat di Kedah yang dibentuk oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II pada tanggal 31 Disember 1735. Menurut Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM (2020) Alor Setar merupakan Ibu Negeri tertua di Malaysia dan kini berusia lebih daripada 250 tahun semenjak ia terbentuk. Sebagai sebuah Ibu Negeri tertua di Malaysia, Alor Setar mempunyai beberapa tempat atau bangunan yang bersejarah antaranya adalah Balai Besar, Alor Setar.

Balai Besar, Alor Setar adalah bangunan kerajaan yang dibina pada tahun 1726 dan siap dibina pada tahun 1735 iaitu semasa awal pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II. Istana Balai Besar adalah sebahagian dari Kompleks Diraja di Alor Setar yang terdiri daripada Istana Pelamin (Istana), Masjid Zahir (Masjid), Balai Nobat (Dewan Muzik Tradisional) dan juga Jam Menara. Bangunan-bangunan ini memainkan peranan penting dalam sosio-budaya kerajaan Kedah. (Noor Hanita Abdul Majid et al. 2019).

Menurut Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (2018), Istana Balai Besar Alor Setar ini dibina atas arahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II sebagai langkah persediaan bagi proses perpindahan beliau dari kediaman baginda di Kota Bukit Pinang ke Alor Setar. Diatas arahan baginda yang menginginkan kawasan yang sukar dinaiki air pemilihan tapak Istana Balai Besar telah dilakukan secara berhati – hati kerana kawasan Alor Setar pada masa dahulu merupakan kawasan berpaya dan sering dinaiki air. Setelah sekian lama pemilihan tapak tersebut dilakukan, tapak Istana

Balai Besar yang sekarang telah dipilih kerana kawasan tersebut merupakan satu – satunya kawasan yang agak tinggi berbanding dengan kawasan lain di Alor Setar. Istana Balai Besar Alor Setar juga dibina dengan dikelilingi oleh bangunan – bangunan diraja yang lain juga adalah atas kehendak Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu’adzam Shah II.

Struktur binaan Istana Balai Besar Alor Setar ini diilhamkan oleh Sultan Muhammad Jiwa berdasarkan pengalaman beliau yang pernah merantau ke negeri Palembang selama 7 tahun. Pembinaan istana ini pada masa dahulu menggunakan bahan – bahan kayu. Kebanyakkan bahagian binaan istana ini menggunakan kayu cengal kerana ketika pembinaan tersebut, kayu cengal merupakan jenis kayu yang mudah didapati di Kedah. Binaan istana ini juga dilengkapi dengan 2 buah tangga dan bumbungnya juga dibina secara bertingkat bagi membezakan setiap ruang di dalamnya. Selain itu, binaan bangunan ini juga dihiasi dengan ukiran – ukiran corak yang indah. Bangunan Istana Balai Besar Alor Setar ini juga telah dibina dengan menghadap kearah kiblat ( Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2018).

Setelah pembinaan Istana Balai Besar ini selesai, bangunan ini telah digunakan sebagai bangunan pentadbiran diraja negeri Kedah dan juga digunakan sebagai dewan untuk menjalankan upacara rasmi diraja seperti upacara pertabalan, perkawinan, kemangkatan dan juga upacara pengurniaan bintang dan sambutan surat asing ( Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2018). Menurut Noor Hanita Abdul Majid et al.(2019) Balai Besar, Alor Setar berfungsi sebagai bangunan negeri untuk acara rasmi atau menjadi tempat untuk rakyat Kedah bertemu dengan sultan untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi mereka.

Meskipun begitu, struktur binaan Istana Balai Besar Alor Setar ini tidak bertahan begitu lama kerana setalah siap dibina dan digunakan selama beberapa tahun bangunan ini telah mengalami kemusnahan akibat daripada perang yang telah berlaku terutamanya perang di antara kerajaan negeri Kedah dengan kerajaan Siam dan Bugis. Kerosakan pertama yang dialami oleh Istana Balai Besar Alor Setar adalah pada tahun 1767 iaitu ketika kerajaan Siam mengerang Kedah kerana marah atas kelewatan Kedah menghantar “Bunga Emas”. Serang Siam ini telah menyebabkan Istana Balai Besar dibakar namun kebakaran itu tidak teruk dan tidak menjelaskan fungsinya dan istana tersebut masih boleh digunakan. Setelah keadaan perang antara kerajaan negeri Kedah dan Siam telah membaik, Kedah sekali lagi diserang dan serangan ketika itu adalah dari pihak Armada Bugis. Serangan mengejut dari pihak Bugis pada tahun 1770 ini telah menyebabkan kawasan Alor Setar ditawan dan Istana Balai Besar turut dibakar dan mengalami kerosakan yang sangat teruk. Kerosakan tersebut telah menyebabkan Sultan Kedah pada masa itu iaitu Sultan Ahmad Tajuddin berpindah ke Kota Kuala Muda dan hanya membiarkan Istana Balai Besar itu digunakan oleh golongan pendikir sebagai tempat bermain. Pada tahun 1821, Istana Balai Besar telah ditanggalkan secara rasmi dan dibiarkan akibat daripada serangan Siam untuk kali kedua. Akibat daripada peninggalan dan pengabaian itu, kawasan bangunan Istana Balai Besar ini ditumbuhki oleh semak samun sebelum tindakan membaiki semula bangunan tersebut dilakukan pada tahun 1840.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Seiring dengan peredaran masa dan perkembangan dunia pada masa sekarang, menyebabkan wujudnya banyak elemen – elemen yang membawa kepada berlakunya masalah kekurangan aktiviti pengurusan warisan. Menurut Zurina Majid (2020), status dan keterlibatan masyarakat di Malaysia dalam warisan budaya dilihat semakin mengundur jika dibandingkan dengan negara jiran yang semakin berkembang maju.

Pengurusan warisan kurang dilakukan adalah kerana tahap kepekaan masyarakat Malaysia terhadap perkara ini sangat rendah. Menurut Zainah Ibrahim (2017), jika sikap kurang peka ini terus dibiarkan ia akan memberi kesan kepada warisan dan tradisi Melayu. Selain itu, kemerosotan aktiviti pengurusan warisan adalah kerana warisan tersebut tidak dikenali oleh orang ramai. Ibrahim Kamoo (2020) juga berkata bahawa aktiviti pengurusan atau penjagaan tapak warisan juga bergantung kepada tahap populariti tapak tersebut sebagai destinasi pelancongan. Beliau berpendapat semakin ramai pelancong maka semakin baik pengurusan dan penjagaan terhadap warisan tersebut.

Oleh itu, melalui masalah kurangnya pengurusan terhadap bangunan Istana Balai Besar Alor Setar ini, kajian tentang pengurusan warisan di Balai Besar, Alor Setar telah dilakukan bagi memastikan bangunan tersebut tidak dilupakan dan terus dipelihara dan dipulihara.

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Bagi menjalankan kajian berkaitan dengan pengurusan warisan bagi memelihara seni bina: tinjauan di Istana Balai Besar, Alor Setar terdapat beberapa persoalan yang telah dikemukakan iaitu:

- i. Apakah sejarah latar belakang pembinaan Istana Balai Besar, Alor Setar?
- ii. Sejauhmanakah Istana Balai Besar, Alor Setar berfungsi pada masa kini?
- iii. Sejauhmanakah pihak bertanggungjawab terlibat dalam pengurusan warisan bagi memelihara dan memulihara Istana Balai Besar, Alor Setar?

### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dibentuk untuk memberi jawapan kepada persoalan kajian yang telah dikemukakan. Objektif kajian tersebut adalah:

- i. Meneroka sejarah pembinaan Istana Balai Besar, Alor Setar.
- ii. Menghuraikan fungsi – fungsi terkini Istana Balai Besar, Alor Setar.
- iii. Menganalisis penglibatan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan warisan bagi memelihara dan memulihara Istana Balai Besar, Alor Setar.

## 1.5 SKOP KAJIAN

Penyelidikan ini menumpukan kepada kawasan Alor Star yang terletak di dearah Kota Setar yang menempatkan Istana Balai Besar dan berfokuskan kepada pengrusan warisan dalam pemuliharaan dan pemeliharaannya.



Gambar 1.1: Lokasi Balai Besar, Alor Setar

Sumber: Google maps



Gambar 1.2: Balai Besar, Alor Setar

Sumber: Portal Rasmi Pejabat Daerah & Tanah Negeri Kedah (2019) .

## **1.6 DEFINISI OPERASIONAL**

Definisi operasional ialah tindakan memberi tafsiran kepada pembolehubah secara spesifik dan jelas. Definisi operasional ini bertujuan untuk menghuraikan sesebuah penulisan secara keseluruhan. Istilah yang akan dihuraikan di dalam kajian ini adalah pengurusan warisan, pemuliharaan dan pemeliharaan, dan Istana Balai Besar.

### **1.6.1 Pengurusan Warisan**

Pengurusan dimaksudkan sebagai satu cara mempersiapkan dan juga menjaga keadaan sekeliling apabila golongan manusia bekerja secara berkumpulan untuk berjaya dalam menggapai tujuan terpilih (Harold Koontz & Heinz Wiehrich, 1997). Selain itu, pengurusan dinyatakan sebagai struktur bagi memenuhi sesuatu menggunakan individu lain (Mary Parker Follet, 1868).

Seterusnya, James A.F Stoner & Charles Wienkel (1986) mendefinisikan pengurusan sebagai langkah membentuk, menyusun, menetuai dan menjaga daya usaha ahli institusi dan memanfaatkan hasil – hasil dalam institusi untuk menepati tujuan institusi yang telah ditetapkan.

Warisan dinyatakan sebagai “tinggalan masa lalu yang telah ditinggal tetapi masih digunakan sehingga kini dan dipertaruhkan dari keturunan masa kini kepada keturunan yang akan datang. Tinggalan budaya dan semulajadi masyarakat kita sesungguhnya merupakan motivasi dan ilham di dalam kehidupan yang tidak mungkin akan dapat diganti. Tinggalan – tinggalan ini juga merupakan batu lonjakan, rujukan utama dan bukti pengenalan diri kita (WHC, 1996).

Akta Warisan Kebangsaan (2005) menjelaskan warisan sebagai tinggalan keturunan yang sebelumnya kepada keturunan pada hari ini melalui karya – karya

buatan tangan, ideologi, pegangan, dan kreativiti mereka. Ini yang menunjukkan bahawa warisan itu adalah proses hidup golongan komuniti bagi menjalankan kehidupan dan membuat perubahan berdasarkan keadaan dan rintangan hidup yang dihadapi. Warisan dibawah Akta Warisan Kebangsaan juga merupakan mana-mana tapak tinggalan, objek tinggalan, tinggalan kebudayaan bawah air atau mana – mana individu hidup dinyatakan sebagai warisan kebangsaan. Warisan dibahagikan kepada 2 iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara. Selain itu, warisan juga dapat difahamkan sebagai sesuatu tindakan yang telah diturunkan secara turun – temurun sehingga ia menjadi budaya.

Secara umumnya, pengurusan warisan dapat dinyatakan sebagai satu cara menyusun, membuat perancangan, mengetuai dan juga menjaga daya usaha terhadap tinggalan – tinggalan generasi terdahulu untuk mencapai satu matlamat.

### **1.6.2 Pemuliharaan dan Pemeliharaan**

Akta Warisan Kebangsaan (2005) mendefinisikan Pemuliharaan sebagai langkah merawat dan melindungi suatu struktur binaan yang ditinggalkan daripada terus musnah atau melakukan aktiviti membaiki tanpa perancangan dan pengurusan yang sistematik. Pemuliharaan melibatkan kerja-kerja yang cuba mengekalkan keadaan asal sesebuah bangunan dan tapak tanah warisan seperti mana yang asal dan usaha ini merupakan satu proses untuk memanjangkan hayat bangunan supaya ia boleh terus kekal untuk generasi yang akan datang.

Selain itu, pemuliharaan dimaksudkan sebagai perlindungan tumbuh - tumbuhan dan haiwan, kawasan semula jadi, bangunan atau struktur yang mempunyai kepentingan, dari mengalami kerosakan akibat aktiviti-aktiviti manusia (Cambridge, 2008). Kamus Merriam Webster (2008) pula menyatakan pemuliharaan sebagai pengawetan dan

perlindungan secara berhati-hati terhadap sesuatu, perancangan penyelenggaraan terhadap sumber asli untuk mengelakkan eksploitasi, kemusnahan dan pengabaian.

Seterusnya, pemuliharaan dilihat sebagai segala proses yang terlibat untuk menjaga sesuatu tempat bagi tujuan memelihara kepentingan budaya. Tindakannya termasuk perawatan dan mengikut keadaan-keadaan tertentu termasuk pengekalan, pemulihan, pembangunan semula dan penyesuaigunaan (Hamsah, 2006). Menurut Harun (2005) pemuliharaan dinyatakan sebagai satu bidang yang melibatkan pengekalan dan penjagaan ke atas bangunan warisan daripada dimusnahkan dengan mengambilkira kepentingannya kepada negara dan masyarakat seperti faktor sejarah dan estetik yang terdapat pada sesebuah bangunan warisan. Selain daripada itu, faktor usia juga adalah merupakan salah satu faktor yang penting yang perlu diberi perhatian.

Di samping itu, pemeliharaan pula didefinisikan sebagai satu aktiviti yang dilakukan untuk mempertahankan keadaan sesebuah bahan atau peralatan atau membaiki sesuatu kembali kepada keadaan asal (Dhillon,2006). Ansori dan Mustajib (2013) pula menyatakan bahawa pemeliharaan merupakan satu konsep dari semua aktiviti yang sangat diperlukan untuk menjaga atau mempertahankan kualiti kemudahan atau mesin agar ia berfungsi dengan baik. Menurut O'Conner (2001), pemeliharaan dinyatakan sebagai satu aktiviti memelihara dan menjaga kemudahan yang ada serta membaikinya. Beliau juga mengatakan pemeliharaan adalah aktiviti menyesuaikan atau menggantikan apa yang perlu bagi mendapatkan hasil yang diharapkan.

Secara ringkasnya, pemeliharaan dalam bidang warisan adalah aktiviti menjaga, membaiki serta mempertahankan kualiti sesuatu warisan agar ia tidak rosak atau musnah.

### **1.6.3 Istana Balai Besar**

Menurut Zumahiran Kamaruddin et.al (2018), Istana Balai Besar merupakan istana diraja yang menjadi lambang kedaulatan seseorang raja atau sultan dalam memerintah. Beliau juga mengatakan bahawa istana Balai Besar ini juga telah diiktiraf sebagai istana bersejarah. Istana ini dijadikan sebagai pusat pemerintahan menggantikan Istana lama yang digunakan sebelum pembinaannya. Istana ini juga merupakan pejabat rami sultan dan tempat sambutan upacara rasmi kerajaan. Kini istana Balai Besar hanya digunakan sebagai dewan untuk upacara rasmi dan dijadikan tempat pameran diraja.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Di dalam kajian ini, terdapat beberapa kepentingan. Kepentingan – kepentingan tersebut terbahagi kepada 2 iaitu individu, dan masyarakat Malaysia.

### **1.7.1 Individu**

Kepentingan kajian ini terhadap individu adalah untuk membolehkan setiap individu terutamanya yang berasal dari Negeri Kedah agar lebih mengenali serta mengetahui Balai Besar, Alor Setar ini sebagai sebuah bangunan bersejarah. Kepentingan kajian terhadap individu yang seterusnya adalah sebagai rujukan untuk golongan yang akan datang. Melalui kajian ini pengkaji ingin menerangkan tentang sejarah Istana Balai Besar dan ingin memastikan sejarah ini dapat disampaikan kepada golongan muda yang akan datang.

### **1.7.2 Masyarakat**

Kepentingan kajian terhadap masyarakat adalah untuk menyadarkan masyarakat tentang seberapa pentingnya pengurusan pemuliharaan Istana Balai Besar, Alor Setar. Melalui kajian ini, masyarakat akan sadar bahawa untuk mengurus dan mengekalkan Istana Balai

Besar, Alor Setar ini memerlukan penglibatan dari semua pihak terutamanya masyarakat sekeliling. Masyarakat setempat memainkan peranan penting dalam aktiviti pemuliharaan ini adalah kerana masyarakat merupakan kelompok yang paling besar dan berpengaruh. Tanpa penglibatan masyarakat pemuliharaan bangunan Istana Balai Besar ini sukar untuk diusahakan.

## **1.8 ORGANISASI PENULISAN**

Secara keseluruhanya, terdapat 5 bab di dalam kajian ini. Bab 1 ini membincangkan tentang pengenalan, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi operasional, kepentingan kajian, skop kajian dan organisasi penulisan. Permasalahan, persoalan serta objektif kajian dinyatakan didalam bab ini supaya kajian dapat dijalankan.

Berikutnya, pada bab 2 memfokuskan kepada sorotan literatur. Sorotan literatur ini merupakan kajian – kajian lepas berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji yang telah dijalankan oleh pengkaji lain. Sorotan kajian ini berkaitan dengan bangunan bersejarah, warisan dan pengurusan pemuliharaan. Di dalam bab ini juga, teori yang digunakan pengkaji untuk melakukan kajian juga akan diterangkan secara ringkas.

Bab 3 pula, metodologi penyelidikan dan kaedah analisis yang digunakan di dalam kajian secara menyeluruh akan dibincangkan. Aspek – aspek metodologi yang dibincangkan merangkumi rekabentuk penyelidikan, persempelan kajian, pengumpulan data dan kaedah analisis yang digunakan untuk mendapat maklumat yang benar dan tepat.

Seterusnya, di dalam bab 4 membincangkan tentang dapatan kajian. Dapatan kajian yang dibincangkan adalah hasil yang diperolehi melalui temubual yang telah dilakukan oleh pengkaji keatas 5 orang responden. Kaedah kepustakaan juga telah

dilakukan untuk memperolehi maklumat tambahan yang berkaitan dengan objektif kajian. Kesimpulan kecil akan dibuat diakhir bab ini.

Akhir sekali, bab 5 merupakan rumusan semua perbincangan tentang. Bab ini juga adalah penutup bagi kajian ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

FTKw

## BAB II

### SOROTAN KAJIAN DAN TEORI

#### 2.1 PENGENALAN

Bab ini akan dibincangkan 3 perkara iaitu konsep, kajian lepas dan kerangka teori. Konsep yang akan dibincangkan di dalam bab ini ialah pengurusan warisan, pemuliharaan dan pemeliharaan serta senibina Balai Besar. Bagi kajian lepas di dalam bab ini pula membincangkan tentang kajian – kajian lepas yang telah dilakukan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pada bahagian kerangka teori ini akan dibincangkan tentang Teori Persepsi yang digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis data kajian.

#### 2. 2 TEORI FUNGSIONALISME

Menurut Stephen Littlejohn dan Karen Foss (2008), teori didefinisikan sebagai sebuah sistem yang abstrak, harus diperoleh melalui pengamatan sistematis (*systematic observation*). Teori juga dimaksudkan dengan proses mengembangkan idea-idea yang dapat memungkinkan kita untuk menjelaskan bagaimana dan mengapa peristiwa terjadi” (Jonathan H. Turner, 1986). Teori yang digunakan di dalam kajian ini ialah Teori Fungsionalisme.

Menurut Merton (2010), fungsionalisme struktural merupakan satu teori yang menumpukan pada fungsi satu sistem atau institusi sosial yang tertentu saja. berdasarkan teori ini masyarakat adalah satu sistem sosial yang terdiri daripada bahagian - bahagian yang mempunyai kaitan dan juga saling bersatu dan seimbang. Perubahan yang terjadi pada satu bahagian akan menyebabkan satu bahagian yang lain juga berubah. Pada dasarnya teori ini menyatakan bahawa setiap bahagian dalam sistem sosial mempunyai fungsi terhadap bahagian yang lain. Kebanyakkan pihak yang

menggunakan teori ini hanya melihat kepada sumbangan yang dilakukan oleh satu sistem sosial sahaja. Menurut Merton (2010), fungsi didefinisikan sebagai akibat – akibat yang dapat diperhatikan dan dapat menimbulkan penyesuaian dari sistem tertentu. Tetapi fungsi juga jelas mempunyai unsur yang tidak adil kerana setiap pemikiran seseorang hanya berdasarkan kepada penyesuaian dirinya sendiri. Fungsi merupakan pecahan tugas yang sama atau berkait rapat antara satu sama lain yang dilakukan oleh suatu golongan tertentu sahaja (Sutarto, 2008).

Berdasarkan teori fungsionalisme struktural ini, masyarakat pada asalnya memiliki hak untuk bersatu dan hidup secara aman dan harmoni, serta memerlukan suatu keadaan yang baik. Oleh itu, pihak pengurusan keharmonian sosial diarahkan untuk mengeratkan hubungan diantara ahli sosial (Abdul Jamil Wahab ,1973). Menurut Talcott Parsons (1937), teori fungsionalisme dimaksudkan dengan masyarakat yang menjadi suatu struktur yang diatur oleh sistem dan setiap daripadanya digabungkan menjadi satu komponen yang mempunyai fungsi yang tersendiri. Berdasarkan teori ini, semua struktur yang diatur berjalan seimbang dan secara keseluruhannya adalah baik. Kegagalan atau ketidakseimbangan stuktur hanya akan berlaku sekiranya terdapat komponen yang tidak menjalankan fungsinya. Terdapat 4 syarat fungsionalisme yang telah dikemukakan oleh Talcott Parsons yang dikenali sebagai AGIL iaitu Adaptation(adaptasi), Goal (matlamat), Integration (integrasi) dan Latency (latensi).

Adaptasi merujuk kepada kemampuan suatu sistem untuk mengatasi keperluan sistem yang diperlukan dari pihak luar sistem tersebut. Hal ini adalah untuk mengelakkan daripada fungsi yang dilakukan oleh sistem tersebut tidak dapat diselesaikan dan terpaksa dihentikan ditengah jalan. Adaptasi sering dilakukan oleh pihak suatu sistem sosial dengan mengadakan program – program yang berkaitan dengan keperluannya. Goal atau matlamat pula merupakan syarat yang harus dipenuhi

oleh setiap sistem sosial untuk mempertahankan kewujudannya. Tanpa matlamat yang jelas, tindakan yang harus dilakukan dianatara sub-sistem tidak dapat dipenuhi. Seterusnya adalah integrasi. Integrasi merupakan fungsi yang menjadi pengatur didalam hubungan antara sub- sistem didalam sesebuah sistem sosial. Integrasi juga menjadi faktor berlakunya tindakan diantara sub-sistem dengan sub-sistem yang lain. Selain itu, integrasi juga berfungsi sebagai pengurus hubungan antara adaptasi, maltamat dan latensi. Kerosakan sistem akan berlaku sekiranya integrasi ini gagal dicapai. Syarat fungsionalisme yang terakhir iaitu latensi. Latensi juga dikenali sebagai pemeliharaan corak. Setiap sistem sosial perlulah mempunyai satu motivasi dan corak budayanya yang tersendiri yang kemudian dijadikan sebagai prinsip untuk diikuti atau disematkan di dalam diri setiap ahli sistem tersebut.

Fungsionalisme struktural mengutamakan syarat fungsional yang diperlukan oleh masyarakat sebagai sebuah sistem untuk terus bertahan, kecenderungan masyarakat dalam membentuk kesepakatan diantara ahlinya dan sumbangannya peranan dan status yang dijalankan oleh seseorang individu atau sesuatu institusi dalam kelangsungan hidup sebuah masyarakat. Masyarakat dilihat sebagai sebuah sistem dimana seluruh ahli terbentuk menjadi satu dan masing-masing memiliki fungsi yang berbeza tetapi saling berkait dan mewujudkan kemauafakan sosial serta keseluruhan struktur akan mampu untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalaman dan luaran masyarakat (George Ritzer & Gouglas J. Goodman, 2007).

## **2.3 SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Menurut Rosmawati Mohamad Rasit (2013), sorotan literatur atau soratan kajian lepas merupakan proses membaca dan mengambil nota daripada kajian lepas yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan. Ia menjadi panduan asas yang menunjukkan jalan kepada pengkaji tentang apa yang ingin dikaji. Sorotan kajian atau tinjauan literatur adalah kupasan data yang telah pengkaji perolehi daripada penulisan kajian lepas (tesis), jurnal, artikel dan buku – buku catatan peristiwa bagi memulakan kajian baharu. Tinjauan literatur merupakan aktiviti penghimpunan data yang berkaitan dengan masalah yang terdapat didalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Melalui proses ini seseorang pengkaji akan menentukan apakah yang harus dipelajari oleh pengkaji daripada individu lain berkaitan dengan masalah yang sama dengan masalah yang terdapat di dalam kajian penkaji (Amani Dahaman, 2011).

### **2.3.1 Pengurusan warisan**

Menurut Volare (2012), tahap pengurusan yang masih lagi lemah terhadap aset dan pemahaman kepelbagaian budaya, kelihatan seperti belum adanya lagi kriteria yang jelas dalam menyelamatkan aset warisan budaya terutamanya bagi aset budaya yang berskala nasional. Permasalahan ini berpunca daripada sikap kurang prihatin terhadap keadaan aset warisan budaya yang sedia ada. Timothy (2011) berpendapat pengurusan aset warisan budaya yang baik dan tepat kepada golongan sasaran, perlu disebarkan kepada seluruh masyarakat dan para pelancong. Dalam isu ini, aset bukan nyata seperti adat istiadat, persembahan dan lain-lain membantu membangunkan aspek-aspek seperti keperluan bahan dan emosi.

Menurut Zainuddin (2012), secara keseluruhannya tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan pengurusan warisan bina bandar masih

tidak melepas tahap yang terbaik. Masyarakat hanya akan menumpukan perhatian mereka terhadap pengurusan warisan bina sekiranya aktiviti ini memberi pulangan dan keuntungan kepada mereka. Kesedaran terhadap pengurusan haruslah dikembangkan lagi supaya setiap individu di dunia terutamanya di Malaysia mampu melibatkan diri mereka untuk menguruskan sesuatu warisan.

Kajian Zalina Haji Samadi, Shahril Anwar Mahmud dan Mawar Masri (2007), A. Ghafar Ahmad (2010) dan Yazid Saleh (2010) menyatakan bahawa perlindungan warisan merupakan salah satu langkah di dalam aktiviti pengurusan dan golongan masyarakat adalah pihak yang memainkan peranan penting dalam aktiviti ini.

Pengurusan warisan merupakan salah satu perkara yang penting dalam aktiviti pemeliharaan atau pemuliharaan. Menurut Norasikin (2005), Pengurusan yang baik merupakan aspek penting dalam aktiviti pemuliharaan bangunan warisan ini supaya ia dapat dipertontonkan kepada generasi seterusnya. Bangunan memerlukan pengurusan yang sistematik dan penyelenggaraan berterusan. Matlamat kajian adalah untuk mengenalpasti pengurusan pemuliharaan bangunan warisan di tapak UNESCO ini dari perspektif peniaga dan pelancong tempatan sama ada bangunan warisan ini dipulihara dengan baik atau sebaliknya (Halimaton & Wan Salleh, 2001).

Di dalam pengurusan warisan terdapat beberapa faktor yang perlu dititikberatkan anataranya faktor persekitaran dan keselamatan. Rosniza Aznie Che Rose & Nur Athirah Khalid (2017), mengatakan bagi aspek pengurusan persekitaran, hal ini perlu dititikberatkan kerana GeorgeTown berada dalam tapak warisan dunia. Penilaian terhadap kawasan ini memberi pandangan sama ada negatif atau positif kepada pihak berkuasa tempatan dalam menguruskan tapak warisan UNESCO ini. Majoriti responden bersetuju bahawa persekitaran yang baik mempengaruhi mereka

untuk mengunjungi tapak warisan ini iaitu sebanyak 86 peratus. Mereka juga mengatakan bahawa kebersihan merupakan elemen penting dalam sesuatu kawasan pelancongan. Aspek pengurusan kebersihan pula menunjukkan majoriti responden berpuas hati dengan tahap kebersihan di kawasan tapak UNESCO. Sebanyak 66 peratus responden bersetuju bahawa tong sampah disediakan di sekitar kawasan warisan.

Aspek pengurusan keselamatan juga merupakan elemen penting bagi menentukan kawasan pelancongan bandar warisan ini supaya terus dikunjungi oleh para pelancong dan didiami oleh masyarakat. Majoriti responden bersetuju bahawa tahap keselamatan di tapak warisan George Town adalah baik (Rosniza Aznie Che Rose & Nur Athirah Khalid, 2017).

Seterusnya, pengurusan warisan yang lebih teratur dan terancang mempu untuk memastikan sesuatu warisan itu untuk terus dijaga. Pengurusan mempengaruhi fizikal, tahap eksplorasi alam semula jadi sesuatu tapak, dan sosio-ekonomi untuk mengurangkan impak setiap pengunjung yang mana mengawal jumlah kedatangan pengunjung, jenis aktiviti dan tingkah laku pengunjung (Podersen, 2002).

Secara umumnya, pengurusan warisan boleh dikatakan sebagai satu tindakan yang boleh diambil untuk memastikan sesuatu warisan tersebut mampu dikekalkan dan sentiasa berada dalam keadaan baik. Di dalam tindakan ini, semua golongan masyarakat dilihat mempunyai peranan yang sangat penting.

### **2.3.2 Pemuliharaan dan Pemeliharaan**

Mengikut pendefinisian Cambridge (2008) pemuliharaan dimaksudkan sebagai perlindungan tumbuh - tumbuhan dan haiwan, kawasan semulajadi, bangunan atau struktur yang mempunyai kepentingan, dari mengalami kerosakan akibat aktiviti-aktiviti

manusia manakala pemeliharaan merupakan kegiatan menjaga atau membaikpulih sesuatu perkara.

Pemuliharaan adalah proses merancang pengurusan sumber semula jadi untuk mencegah eksplotasi, pemusnahan, atau pengabaian manakala pemeliharaan merangkumi perlindungan ke atas sumber semula jadi untuk hari ini dan juga generasi akan datang. Mengikut definisi yang diberikan diatas, dapat dilihat bahawa pemuliharaan mempunyai konsep yang lebih luas. Meskipun begitu, memetik kata – kata daripada Regoniel (2013) yang mengatakan walaupun kedua – dua aspek ini mempunyai konsep yang berbeza tetapi ia tetap mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk mendapat manfaat yang berterusan.

Mohamad Sohaimi Man (2017) pernah menyatakan bahawa penglibatan pihak NGO dan masyarakat setempat juga diperlukan bagi membantu melindungi warisan ketara dan tak ketara. Meskipun pengucapan ini lebih merujuk kepada proses melindungi bandaraya bersejarah, namun komuniti tempatan dan juga individu bertanggungjawab dalam memastikan negara dapat mengekalkan status hakmilik terhadap warisan yang terdapat di negara kita (Mohd Shafie Apdal, 2008).

Bagi memulihara dan memelihara sesuatu warisan memerlukan tindakan oleh beberapa pihak berkepentingan. Antaranya adalah dengan menjalinkan hubungan kerjasama antara pihak pemilik dengan sesebuah agensi supaya saling membantu dalam menjaga dan membaikpulih aset warisan Melayu lama. Sebagai satu galakan kepada pemilik individu mahupun kelompok dalam melakukan usaha bagi melindungi dan menjaga tinggalan struktur binaan atau seni bina melayu lama ini terdapat pihak – pihak tertentu yang bersedia untuk memberi sumbangan khas yang berbentuk kewangan kepada mereka (Mohamad Sohaimi Man, 2017).

Menurut Syed Zainol (1995), hasil kajian inventori bangunan bangunan warisan di Malaysia yang telah dilakukan oleh Muzium Negara pada tahun 1992, dianggarkan terdapat lebih kurang 35,000 buah bangunan sebelum perang yang berada di 265 buah bandar yang dikaji di seluruh negara wajar dipulihara. Bangunan warisan di Malaysia sebahagian tidak dipulihara dengan baik dan kebanyakannya berada dalam keadaan yang buruk disebabkan oleh faktor kerosakan bangunan (A. Ghafar, 2009).

Selain itu, Pengurusan pemuliharaan bangunan warisan amat penting. Ianya perlu dilakukan oleh pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam merancang, mengurus, memulihara dan mengawal tapak warisan dunia supaya terus berada dalam keadaan yang baik (Rosniza Aznie Che Rose & Nur Athirah Khalid, 2017).

Menurut, Jabatan warisan negara (2012), dalam memelihara sesebuah bangunan tinggalan perspektif etika dianggap lebih penting berbanding dengan perspektif estetika. Oleh itu, dalam aktiviti memulihara aspek keindahan struktur tidak digunakan sebagai ukuran sebaliknya ia lebih tertumpu kepada proses untuk memastikan bangunan tinggalan tersebut dapat dikembalikan kepada bentuk asal. Pendekatan pemeliharaan ini mempunyai matlamat iaitu untuk memastikan kerosakan yang berpanjangan dapat dihentikan dan juga bagi mempersiapkan binaan yang selamat dan kukuh tetapi tidak menjuangkan pembangunan semula yang penting dan termasuklah:

- a)Teknik membantutkan atau memeperlahangkan proses kemerosotan, reput atau keadaan usang sesuatu butiran atau struktur;
- b)Pebaikan keadaan struktur untuk menjadikan suatu struktur selamat, boleh didiam i, atau selainnya berguna; dan

c)Penyenggaraan biasa dan pembaikan kecil yang tidak mengubah atau memudaratkan rupa fabrik atau sejarah sesuatu struktur

Menurut Lynn Hollen Lees, 2008; Shuhana, 2005, pelbagai faktor seperti masalah kewangan, tiada kesedaran kepentingan warisan, prospek perniagaan yang menurun, tiada kesinambungan waris pemilikan dan tiada kesinambungan operasi perniagaan telah menyebabkan bangunan ini gagal dipelihara dengan baik, ada sesetengahnya mulai rosak dan menunggu masa untuk roboh. Peranan agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan juga perlu dilihat kerana peranan kumpulan masyarakat ini amat penting dalam menentukan kejayaan pemuliharaan sesebuah kawasan warisan (Smith, 2007).

Berdasarkan Akta 172 aktiviti melindungi dan memulihara merupakan salah satu pindaan undang – undang yang terkandung didalam peruntukan pada Seksyen 102. Seksyen 102 ini merupakan peruntukan undang – undang dimana undang-undang kecil untuk melindungi dan memulihara warisan yang berapa didalam penjagaan pihak berkuasa tempatan mendapat kebenaran untuk dipinda (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2018). Beliau juga mengatakan bahawa Akta Bendapurba 1976 bertujuan untuk mengawasi, menjaga dan mengkaji tinggalan tugu lama dan bersejarah, tapak tanah dan tapak kajian masa lalu, peralatan lama dan bersejarahan. Mohd Yuszaidy Mohd Yusof (2018), juga menulis bahawa Akta Warisan Kebangsaan 2005 merupakan akta yang diperuntukan bagi pemeliharaan dan pemuliharaan warisan.

Munurut Mohd Yuszaidy Mohd Yussooff (2018), Warisan budaya ketara yang mendapat perhatian sewajar daripada pihak Jabatan Warisan Negara iaitu rumah kediaman Penghulu Abdul Ghani bin Abdul Majid. Rumah kediaman Penghulu Abdul Ghani bin Abdul Majid yang terletak di Merlimau, Melaka. Rumah kediaman Penghulu

Abdul Ghani sebelum ini diuruskan dan dijaga Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) sebelum diserahkan kepada Jabatan Warisan Negara untuk tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan daripada kerosakan teruk.

Ching (2013), mengatakan kajian menunjukkan 40% bangunan warisan di Malaysia tidak dipelihara dengan baik dan keseluruhan warisan di Asia kurang dilindungi. Penyelenggaraan merupakan perkara utama yang terpenting selepas melakukan aktiviti pemuliharaan kerana selepas bangunan ini didiami atau digunakan prestasi pemeliharaannya bergantung kepada pemilik atau pihak pentadbir. Mohd Isa (2011), menghuraikan bahawa kelemahan sokongan masyarakat merupakan punca berlaku pengabaian, ia berdasarkan senarai World Heritage Site in Danger, UNESCO, yang mendedahkan kronologi pembatalan status tapak warisan dunia akibat kelemahan tersebut.

Menurut Siti Norlizaiha (2011), pemuliharaan sesuatu warisan menjadi penting sekiranya masyarakat asalnya kekal berada disitu. Hal ini adalah kerana sesuatu warisan mempunyai kaitan dengan masyarakat asal dan hanya masyarakat asal yang mengetahui sejarah dan nilai sesungguhnya warisan tersebut. Namun begitu, pemuliharaan masih boleh dilakukan meskipun dalam masyarakat baru tetapi pemahaman masyarakat tersebut haruslah diuji dahulu. Penglibatan masyarakat juga sebagai antara faktor utama mengatasi kelemahan pemuliharan dan pengabaian kawasan warisan (Wan Hashimah, 2012; Shahrul, 2013).

Menurut Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid (Presiden Badan Warisan Malaysia), tahap kesedaran masyarakat terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan sesuatu warisan khususnya warisan bina seperti bangunan lama dan monumen yang mempunyai nilai senibina dan sejarah yang tinggi masih lemah sungguhpun semangat ke arah itu ada

pada sesetengah pihak (Utusan Malaysia, 18 September 1999). Yazid Saleh (2010) merumuskan bahawa tahap kesedaran masyarakat Malaysia berhubung kepentingan perlindungan, pemuliharaan dan pemeliharaan warisan bina masih belum berada di tahap yang terbaik. Sikap masyarakat yang sambil lewa sahaja tentang kepentingan warisan bina ini berupaya menghalang kemajuan usaha pemuliharaan bangunan dilaksanakan dengan berkesan. Sikap masyarakat yang seperti ini mampu membawa kepada kemusnahan sesuatu warisan bina. Perkara ini kerana ia telah memberi peluang kepada para pemaju untuk menggunakan perkara tersebut sebagai alasan mereka merobohkan sesuatu warisan bina bagi mendirikan bangunan yang baru.

Seterusnya, di Malaysia terdapat banyak aset warisan yang terdiri daripada pelbagai jenis seperti bangunan dan tapak warisan. Namun begitu, warisan – warisan telah terabai dan dibiarkan usang pada hari ini. Kurul (2007) mengatakan punca pengabaian pemuliharaan aset warisan adalah kerana tidak mengetahui dan yakin dengan potensi warisan. Satu-satunya sebab bangunan warisan terus digunakan adalah kerana tiada pilihan menukar atau berpindah ke bangunan moden. Selain daripada dijadikan sebagai bangunan kediaman dan muzium, bangunan – bangunan warisan di Malaysia hanya ditinggalkan begitu sahaja oleh pihak – pihak bertanggungjawab serta masyarakat – masyarakat setempat tanpa mereka menyedari bahawa bangunan tersebut berpotensi untuk disuaikan semula dan mampu membawa keuntungan kepada negara.

Berdasarkan sorotan kajian yang dilakukan, dapat dirumuskan bahawa pemuliharaan dan pemeliharaan adalah salah satu langkah di dalam pengurusan warisan. Langkah ini adalah untuk menjaga dan memulihkan warisan – warisan daripada kerosokan dan pengabaian. Di dalam kajian yang dilakukan, pemuliharaan dan

pemeliharaan merujuk kepada aktiviti yang telah dan harus dilakukan bagi terus menjaga dan mengekalkan senibina bangunan Istana Balai Besar Alor Setar.

### **2.3.3 Seni Bina Istana Balai Besar**

Othman Mohd Nor (2018) mengatakan bahawa identiti seni bina di Malaysia mempunyai reka bentuk dan gaya unik yang dipengaruhi oleh budaya tempatan dan luar. Seni bina di Malaysia berkembang mengikut pola pemikiran luar (Wendy Khadijah Moore, 2004).

Balai Besar Alor Setar merupakan sebuah ruang bersebelahan istana yang berfungsi sebagai ruang menyambut. Balai Besar ini telah diubahsuai dan dimodenkan selama 2 abad sehingga mencapai bentuk dan struktur batu, kayu dan tiang besi tuang seperti sekarang. Balai Besar juga merupakan istana yang boleh dikunjungi oleh orang ramai di dalam komplek istana (Fadzidah & Mansur, 2017).

Balai Besar Alor Setar juga pernah mengalami kemusnahan dan segala urusan dan aktiviti kerajaan yang dijalankan di Istana Balai Besar itu telah bertukar tempat ke Kota Kuala Kedah (Fadzidah & Mansur, 2017). Mereka juga mengatakan bahawa Balai Besar telah dibina semula setahun selepas musnah dan senibinanya mempunyai campuran pengaruh antara pengaruh Melayu, Thai, Jawa dan Kolonial. Namun begitu, bangunan ini masih mengekalkan identiti dan keharmoniannya yang berdasarkan pengaruh Melayu Nusantara.

Pengaruh Melayu di dalam sesebuah senibina amat mudah untuk dikenalpasti hal ini adalah kerana senibina melayu sangat ringkas dan banyak menggunakan sumber alam semulajadi sebagai bahan binaan. Rumah Melayu boleh dilihat dengan ciri binaan dan bahan binaan seperti daun nipah, ijuk, rumbia dan bertam untuk atap atau bumbung. Kayu digunakan untuk struktur utama seperti tiang, alang, rasuk, lantai dan dinding.

Lapik tiang pula diperbuat daripada batu. Rumah Melayu juga jarang menggunakan paku besi, biasanya hanya dipasak dengan kayu (Siti Norlizaiha Harun, 2005). Pengaruh senibina ini dapat dilihat di Istana balai besar Alor Setar. Menurut, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (2018) menjelaskan bahawa pembinaan semula bangunan tersebut masih mengekalkan bentuk asalnya dengan menggunakan kayu – kayu jenis Merbau Pucuk Hitam, Cengal Emas dan kayu Giam. Selain itu, pengaruh melayu juga dalam dilihat didalam senibina Istana Balai Besar ini dengan adanya ukiran kesenian melayu seperti awan larat, bunga sulur bakong, dan daun budi di seluruh bahagian Balai Besar tersebut.

Seterusnya, Balai Besar Alor Setar juga dikatakan mempunyai pengaruh Siam, Thailand. Hal ini dikatakan sedemikian kerana negeri Kedah mempunyai hubungan yang dekat antara satu sama lain. Pengaruh Siam dapat dilihat di keseluruhan bangunan Istana Balai Besar Alor Setar. Menurut Shireen et.al (2018), pengaruh Siam ini dapat dilihat melalui binaan pintu masuk istana tersebut dimana ia meniru senibina vernakular wilayah Langkasuka yang dimiliki oleh Surau Aur di Thailand Selatan dan Kuil Siam. Beliau juga mengatakan bahawa warna hijau dan kuning yang digunakan mempunyai persamaan dengan warna jubin atap varnis yang terdapat pada istana dan kuil Siam.

Selain itu, penjajahan Inggeris di Tanah Melayu juga telah memberi sedikit pengaruh kolonial terhadap senibina Istana Balai Besar Alor Setar. Menurut Noor Hanita Abdul Majid et.al (2019), senibina kolonial Inggeris yang mempengaruhi Istana Balai Besar adalah gaya Neo – klasik, Palladian, dan Regency. Gaya Regency dapat dilihat pada langkan besi tuang yang terdapat pada tangga Istana Balai Besar Alor Setar manakala gaya Neo – klasik dan Palladian dapat dilihat pada senibina tiang dan tingkap bangunan tersebut.

Secara amnya, melalui sorotan kajian ini kita dapat mengetahui bahawa terdapat beberapa pengaruh yang mempengaruhi senibina – senibina di Malaysia sejak daripada zaman dahulu lagi. Kita juga dapat mengetahui bahawa antara faktor yang menyebabkan wujudnya pengaruh luar adalah kerana penjajahan.

#### **2.4 KERANGKA TEORITIKAL**

Kerangka teori merupakan satu sistem penyusunan yang sistematik berkaitan dengan buah fikiran yang mempunyai berhubung dengan konsep kajian atau penerangan yang teratur tentang hubungan yang terdapat disekeliling pembolehubah (Wannbrod,1977). Menurut Eisenhart(1991), kerangka teori dianggap sebagai struktur yang membawa kepada projek penyelidikan. Clark, Guba dan Smith (1977) mengatakan bahawa kerangka teori pula membekalkan konsepsi atau menghuraikan teori yang digunakan oleh pengkaji untuk mengkaji sesuatu masalah. Dengan kata lain, kerangka teori merujuk satu himpunan idea dan saling hubungan yang berfungsi sebagai acuan, kerangka, atau tapak bagi pengenalpastian dan penelitian masalah kajian. Kerangka teori membekalkan perspektif kepada pengkaji untuk meneliti masalah yang tertentu. Di dalam kajian ini, kerangka teori dilakukan berdasarkan teori persepsi yang digunakan oleh pengkaji dalam mengkaji pengurusan warisan senibina: tinjauan di Istana Balai Besar Alor Setar.

Di dalam bahagian ini, perkara yang akan dibincangkan ialah kerangka teoritikal. Kerangka teoritikal ini digunakan oleh pengkaji adalah sebagai panduan untuk mendapatkan hasil yang terbaik serta untuk menyelesaikan permasalahan dan isu yang terdapat dalam kajian.

**PENGURUSAN WARISAN SENI BINA : TINJAUAN DI ISTANA BALAI  
BESAR, ALOR SETAR.**

**PENDEKATAN FUNGSIONALISME (TALCOTT PARSONS, 1937)**


**Syarat Fungsionalisme Yang Mempengaruhi Pengurusan Warisan Seni  
Bina: Tinjauan Di Istana Balai Besar Alor Setar.**

**Adaptasi** – kemampuan suatu sistem untuk mengatasi keperluan sistem yang diperlukan dari pihak luar sistem tersebut.

**Matlamat** – memenuhi tindakan atau fungsi sistem.

**Integrasi** – fungsi pengatur hubungan diantara sub- sistem didalam sesebuah sistem

**Latensi** – motivasi atau corak budaya sistem yang tersendiri yang dijadikan sebagai prinsip oleh ahli sistem



Rajah 2.1 Kerangka Teori Fungsionalisme (Talcott Parsons,1937)

## **2.5 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, bab ini menghuraikan tentang teori dan sorotan kajian lepas. Di dalam bab ini teori yang digunakan oleh pengkaji ialah teori fungsionalisme. Secara umumnya, teori fungsionalisme merupakan teori yang digunakan untuk mengenalpasti tindakan atau fungsi yang dilakukan oleh sesebuah sistem. Tindakan atau fungsi tersebut dijalankan dengan memenuhi keempat – empat syarat fungsionalisme iaitu adaptasi, matlamat, integrasi dan latensi. Di dalam kajian ini, teori fungsionalisme ini telah digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang pengurusan warisan senibina yang berkaitan dengan Istana Balai Besar Alor Setar. Teori ini telah dihuraikan secara terperinci di awal bahagian bab ini. Teori tersebut diterangkan dengan lebih mendalam adalah untuk memastikan pengkaji memahami teori tersebut seterusnya membolehkan pengkaji mendapat hasil kajian yang terbaik.

Selain itu, sorotan kajian juga dilakukan oleh pengkaji di dalam bab ini. Sorotan kajian yang dilakukan adalah berkaitan dengan topik kajian pengkaji. Sorotan kajian ini lebih tertumpu kepada aspek pengurusan warisan, pemuliharaan dan pemeliharaan dan Istana Balai Besar. Melalui sorotan kajian yang dilakukan, pengkaji dapat memahami bahawa pengurusan warisan mempunyai pelbagai cara yang berbeza bergantung kepada keadaan dan jenis warisan tersebut. Sorotan kajian yang dilakukan merujuk kepada pengurusan warisan secara keseluruhan iaitu yang melibatkan aset warisan yang mengalami kerosakkan dan pengabaian manakala kajian yang dilakukan hanya menumpukan kepada pengurusan warisan bagi meneruskan usaha penjagaan dan pengekalan senibina warisan di Istana Balai Besar Alor Setar.

## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENGENALAN

Metodologi digambarkan sebagai rekabentuk penyelidikan yang terdiri daripada prosedur, sampel, batasan dan set data yang akan dianalisis dalam sebuah kajian (Burns & Grove, 2003). Menurut Ahmad Mazhab Ayob (1985), metodologi kajian merupakan pengumpulan maklumat serta data terbaharu yang berkaitan tinjauan yang dilakukan biasanya mengambil kira aspek pemilihan kaedah kajian, teori pembelajaran bahasa, prosedur pengumpulan data dan prosedur analisis data.

Othman Mohamed (2001) juga mengatakan bahawa Metodologi merupakan suatu prosedur sistematik yang menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang sealiran dengan peraturan tersendiri bagi memastikan prestasi penyelidikan dicapai dengan baik dan sempurna. Data yang baik diperolehi daripada penyelidikan yang dirancang rapi berdasarkan reka bentuk yang bersesuaian, iaitu pendekatan yang digunakan dalam proses mendapatkan data penyelidikan (Ruhizan Mohammad Yasin et.al ,2010).

Bab ini menerangkan tentang kaedah yang digunakan dalam kajian mengenai pengurusan warisan seni bina tinjauan di Istana Balai Besar Alor Setar. Metodologi kajian merupakan perkara yang amat penting dalam melakukan sesebuah kajian kerana ia mampu untuk mengukur ketepatan maklumat mahupun data yang diperolehi. Dalam bab ini juga, menghuraikan tentang proses pengumpulan data, kaedah analisis data dan kesahan dan kebolehpercayaan data.

### **3.2 PROSES PENGUMPULAN DATA**

Pengumpulan data merupakan satu proses, langkah atau tindakan yang dilakukan bagi menghimpun dan mengumpulkan data bagi memperoleh maklumat berkaitan dengan kajian (Afid Burhanuddin, 2013). Menurut Sugiyono (2016), pengumpulan data ialah langkah mendapatkan maklumat yang paling strategik dalam sesuatu kajian. Data ialah pengiraan ke atas sifat – sifat, keadaan, kenyataan atau sukatan ke atas sesuatu fenomena yang boleh dikira Sabitha Marican (2005). Pengumpulan data merupakan proses pengumpulan pembolehubah dan penyelidik akan menentukan prosedur, teknik serta aspek pengumpulan data yang sesuai dengan kajiannya (Sulaiman Masri,2005). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa proses pengumpulan data merupakan satu proses yang penting untuk dilakukan. Proses pengumpulan data bagi kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

#### **3.2.1 Data Primer**

Menurut Rohana Yusof (2004), data primer merupakan data yang berasal dari sumber asli atau sumber pertama. Data primer juga dinyatakan sebagai data asal yang dikumpul secara khususnya untuk menjawab persoalan kajian (Sabitha Marican,2005). Data primer ialah data yang dikumpulkan oleh penyelidik sendiri melalui pemerhatian, temubual atau borang soal selidik khusus untuk tujuan penyelidikannya (Zulkarnain Zakaria, 2011). Menurut Magbool dan Mohamad Abu Huzaifah (2012), data primer adalah data yang diperoleh langsung dari subjek penelitian dengan mengenakan alat pengukuran atau alat pengambilan data langsung pada subjek sebagai sumber informasi yang dicari. Bagi menganalisis pengurusan warisan seni bina tinjauan di Istana Balai Besar Alor Setar, pengumpulan data primer telah dilakukan dengan menggunakan kaedah temubual.

Kaedah temu bual yang dijalankan oleh pengkaji melibatkan 5 orang informen yang terdiri daripada pekerja Muzium Negeri Kedah, pihak Majlis Bandaraya Alor Setar, Pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah dan juga pihak Arkib Negeri Kedah. Pengkaji akan menjalankan temu bual keatas 5 orang informen ini kerana informen – informen ini dianggap memainkan peranan yang penting dalam aktiviti pengurusan warisan seni bina Istana Balai Besar Alor Setar. Kaedah temu bual berfokus akan digunakan oleh pengkaji dalam menemubual kesemua informen tersebut bagi mendapatkan maklumat – maklumat atau data-data yang tertentu. Kaedah ini dipilih kerana ia sangat bersesuaian untuk digunakan. Melalui kaedah temu bual berfokus ini pengkaji hanya akan memberi soalan yang hanya merujuk kepada maklumat yang diinginkan sahaja secara ringkas dan padat. Pembentukan soalan temu bual yang akan dilakukan adalah berdasarkan ketiga-tiga persoalan dan objektif yang telah ditetapkan. Temu bual juga dijalankan adalah bagi memberi jawapan kepada persoalan kajian dan juga untuk memenuhi kehendak ketiga-tiga objektif kajian pengkaji.

### **3.2.2 Data Sekunder**

Menurut Hasan (2002), data sekunder merupakan data yang diperolehi oleh pengkaji melalui sumber – sumber yang telah ada. Data ini digunakan untuk dijadikan maklumat sokongan bagi data primer yang telah diperoleh. Antara sumber – sumber data sekunder adalah bahan pustaka, literatur, penelitian terdahulu dan buku. Data sekunder merupakan data tidak langsung yang diperolehi oleh pengkaji. Data ini diperolehi melalui orang lain ataupun melalui dokumen (Sugiyono, 2016).

Di dalam kajian ini, data sekunder yang diperolehi oleh pengkaji adalah melalui sumber internet dan juga artikel. Data – data dari sumber internet dan artikel ini telah dipilih oleh pengkaji. Pengkaji hanya memilih sumber sekunder yang hanya menepati

dan menjawab persoalan dan objektif kajian. Sumber sekunder ini digunakan oleh pengkaji sebagai sumber tambahan bagi menguatkan lagi sumber primer yang telah dimiliki.

### **3.2.3 Kualitatif**

Data kualitatif menurut Sugiyono (2015), adalah data di dalam bentuk perkataan, skema dan gambar. Data kualitatif merupakan data berbentuk penjelasan, kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat dilihat (Taylor dan Bogdan, 1984). Seterusnya, mengikut Patton (1990), data kualitatif terhasil daripada 3 jenis data iaitu:

- a) Data hasil pemerhatian: huraihan yang lebih mendalam tentang keadaan, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diperhatikan di lapangan.
- b) Data hasil pembicaraan: merujuk kepada hasil yang diperolehi langsung dari pertanyaan kepada orang – orang tentang pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikiran mereka melalui kaedah temubual
- c) Data bahan bertulis: memperolehi data daripada petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menjurat, rakaman, dan kes sejarah.

### **3.2.4 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merupakan konteks yang diguna dalam sesebuah kajian bagi mengutip dan menganalisis data (Bryman, 2008). Menurut Robson (2011), reka bentuk kajian memainkan peranan untuk menukar persoalan kajian kepada pelan perancangan yang melibatkan komponen tujuan, teori, persoalan kajian, kaedah dan strategi persampelan.

#### **i. Reka Bentuk Kajian Kualitatif**

Kajian kualitatif adalah sebuah reka bentuk kajian yang baru. Menurut Trochim (2006), kajian kualitatif merupakan satu reka bentuk kajian yang anjal kerana

reka bentuk ini tidak menentukan apa dan bagaimana sesuatu kajian itu hendak dilakukan. Kajian kualitatif merupakan sebuah kajian yang mempunyai kaitan dengan persoalan atau pernyataan. Kajian kualitatif kebiasaannya menggunakan persoalan seperti apa, mengapa dan bagaimana. Menurut Trochim (2006), bagi memahami sesuatu perkara seperti sejarah atau pengalaman seseorang individu kajian kualitatif yang melibatkan penakulan induktif digunakan. Kajian kualitatif adalah strategi kajian yang umumnya hanya menekankan kepada perkataan berbanding dengan melakukan kiraan data yang dikumpul dan dianalisis (Bryman,2008). Di dalam kajian ini, reka bentuk kajian kualitatif yang digunakan ialah reka bentuk kajian kes.

Menurut Bryman & Bell (2007) kajian kes adalah salah satu strategi kajian. Sebagai salah satu strategi kajian, kajian kes dikatakan boleh digunakan di dalam pelbagai situasi dan ia juga merupakan strategi kajian yang sering diaplikasikan di dalam jurusan psikologi, sosiologi, sains politik, kerja sosial, perniagaan dan perancangan komuniti (Yin,2009). Zaidah (2007) pula mengatakan bahawa kajian kes sesuai bagi kajian yang perlu kepada penyiasatan yang mendalam dan menyeluruh. Kajian kes mempunyai beberapa kelebihan iaitu seperti berikut:

- a) Penilaian dan analisis kandungan dokumen hanya dijalankan berdasarkan konteks yang diperlukan.
- b) Kepelbagaiannya instrumen dan kaedah pengumpulan data membentarkan analisis kandungan dokumen dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif.
- c) Butiran yang diperoleh melalui kajian kes bukan hanya membantu menjelaskan data tetapi ia juga membantu menjelaskan permasalahan yang berlaku.

### 3.2.5 Instrumen Kajian

Pengkaji telah menggunakan 3 instrumen kajian dalam memperolehi maklumat - maklumat baru yang mempunyai kaitan dengan kajian. Instrument kajian yang digunakan ialah temubual, pemerhatian dan kajian kepustakaan.

#### i. Temu Bual

Temu bual merupakan satu perbuatan yang melibatkan perbualan yang mempunyai tujuan (Kahn & Cannell, 1957). Menurut Denzin pula, temu bual merupakan sesuatu yang lebih daripada sebagai alat pengumpulan data dan temu bual seharusnya bersifat reflektif dan mampu memberi cerminan sebenar tentang sesuatu fenomena. Chua Yan Piaw (2014), menyatakan bahawa temu bual mempunyai 3 kategori iaitu temubual berstruktur, semi – berstruktur dan tidak berstruktur.

Kaedah temu bual yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual berstruktur. Kaedah temu bual berstruktur ini digunakan kerana pengkaji hanya akan menggunakan soalan – soalan yang telah disiapkan ketika menemubual kesemua informen – informen. Melalui kaedah ini, soalan yang diajukan oleh pengkaji kepada semua informen adalah sama dan urutan soalannya juga adalah sama. Penggunaan instrumen temu bual berstruktur ini juga digunakan adalah kerana maklumat yang ingin pengkaji perolehi merupakan suatu maklumat yang memerlukan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Bagi proses merekod dan menilai data temu bual pula, pengkaji menggunakan akan 2 cara iaitu pengkaji akan merekod perbualan dengan informen – informen tersebut menggunakan pita rakaman

dan pengkaji juga akan mencatat nota ketika informen – informen tersebut memberi maklumbalas.

#### **ii. Kajian Kepustakaan**

Menurut Roth (1986), kajian kepustakaan adalah usaha yang dilakukan oleh pengkaji untuk mengumpul segala maklumat ataupun infomarsi yang bersesuaian dan relevan dengan masalah atau topik yang sedang dikaji. Maklumat ini dapat diperolehi daripada buku-buku ilmiah, hasil penyelidikan orang lain, laporan penelitian, ensiklopedia, fakta-fakta, buku tahunan dan sumber-sumber bertulis ataupun sumber elektronik.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kajian kepustakaan ini untuk memperolehi maklumat tambahan seperti definisi dan pendapat tokoh yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji banyak menggunakan media elektronik bagi memperoleh sumber kepustakaan ini.

### **3.3 KAEADAH ANALISIS DATA**

Menurut Arghana (2002) menjelaskan bahawa analisis data merupakan suatu langkah menyusun turutan maklumat, mengorganisasikannya dalam suatu corak, kelompok dan unit penerangan asas. Taylor (1975) mendefinisikan analisis data sebagai proses yang terperinci untuk merumuskan hipotesis. Penganalisisan data mentah memerlukan penelitian yang terperinci bagi memastikan hasil kajian dapat dibuktikan kesahihannya. Analisis data adalah proses yang kompleks yang melibatkan penaakulan antara data konkrit dan konsep abstrak, antara penaakulan induktif dan deduktif, antara penerangan dan tafsiran (Merriam, 2001).

Dalam kajian penyelidikan, pengkaji harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menganalisis data dalam bentuk data kuantitatif atau data kualitatif. Secara amnya, penyelidikan tindakan akan menggabungkan dua bentuk data untuk hasil yang boleh dipercayai dan hanya sah untuk penyelidikan yang berkaitan..Oleh itu, dalam kajian ini terdapat dua kaedah digunakan bagi menganalisis data iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah ini saling melengkapi dan mengukuhkan lagi kajian serta memudahkan proses penganalisisan data dilaksanakan.

### **3.3.1 KAEDAH ANALISIS KUALITATIF**

Dalam konteks data kualitatif, proses analisis data pada dasarnya adalah proses berterusan dan tidak linear. Ini adalah prosedur analisis yang melibatkan pemeriksaan makna di atas kata – kata dan tindakan manusia. Memberi makna kepada data melibatkan pengumpulan pelbagai data, pengelasan data mengikut kategori atau tema yang sesuai dan tepat, dan tafsiran tentang apa kata – kata manusia dan apa yang dilihat dan dibaca oleh penyelidik. Dengan kata lain, pendekatan kualitatif merupakan salah satu cara analisis data yang menjelaskan sesuatu dengan lebih bermakna dan dilengkapi oleh fakta dan bukti yang diperoleh daripada kajian. Analisis data kualitatif ini akan lebih mudah dijalankan dengan merujuk kepada persoalan kajian dan objektif kajian. Terdapat beberapa pendekatan yang boleh dipilih dalam melakukan analisis data kualitatif dan berdasarkan kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah analisis tematik.

Menurut Braun & Clarke (2006), analisis tematik merupakan diantara teknik yang boleh digunakan dalam menganalisis data dengan matlamat bagi memastikan corak atau bagi menjumpai konsep berdasarkan maklumat yang telah diperolehi dan dikumpulkan oleh pengkaji. Analisis tematik ini juga merupakan kaedah yang sangat

berkesan apabila sebuah kajian yang dilakukan bertujuan untuk mengkaji secara lebih terperinci berkaitan dengan data-data kualitatif yang diperolehi mereka bagi mencari kaitan diantara corak – corak yang berlaku dalam sebuah peristiwa dan menjelaskan tentang berlakunya peristiwa ini dengan lebih mendalam melalui pandangan pengkaji (Fereday & Muir-Cochrane, 2006). Menurut Heriyanto (2018), terdapat 3 tahap didalam analisis tematik.

Memahami data merupakan tahap yang pertama di dalam analisis tematik. Memperolehi data yang diingini tidak membawa maksud bahawa pengkaji memahami data serta peristiwa yang sedang dikaji. Analisis kualitatif yang dilakukan bertujuan untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang apa yang telah berlaku melalui pemahaman informen. Oleh itu, bagi memahami data yang diperolehi, pengkaji haruslah mendengar kembali rakaman audio dan juga membaca semula transkrip secara berulang. Hal ini kerana, rakaman audio dan juga transkrip merupakan kompenan yang penting dalam memastikan maklumat yang lebih mendalam dapat diperolehi. Rakaman audio juga merupakan sumber yang penting dalam proses menganalisis data pada tahap ini kerana pengkaji memperolehi data melalui perbualannya bersama informen. Selain itu, catatan peribadi juga merupakan kompenan yang penting dalam memastikan pengkaji memahami data yang diperolehi. Catatan tersebut boleh dilakukan oleh pengkaji ketika sesi temu bual iaitu dengan mencatatkannya di dalam sebuah buku khas ataupun boleh dilakukan selepas sesi temu bual iaitu dengan membentuk transkrip.

Mengusun kod merupakan tahap kedua di dalam analisis tematik. Aktiviti - aktiviti seperti membaca transkrip bagi menetapkan tema, menulis ayat sebagai kod kategori, membuat senarai kategori, meneliti data secara keseluruhan, menguruskan data dan juga membina kod pola untuk mengenalpasti tema merupakan proses yang terlibat di dalam penyusunan kod. Dalam tahap ini, data yang perlu dikod dalam

transkrip temu bual akan dipilih oleh pengkaji. Penentuan kod sama ada ia merupakan kod yang relevan ataupun yang tidak relevan juga ditentukan oleh pengkaji. Perkara ini adalah untuk mengelakkan semua data diberikan kod. Penulisan makna kata-kata pengucapan informen boleh dijadikan sebagai kod. Pengkaji akan mencuba untuk menterjemahkan maksud daripada kata – kata pengucapan informen. Penulisan kod boleh dibuat dalam bentuk deskriptif atau interpretatif. Apabila proses pengekodan selesai, data yang dimiliki akan disemak semula oleh pengkaji.

Tahap terakhir bagi analisis tematik adalah mencari tema yang bersesuaian dengan kehendak kajian. Dalam tahap ini, penentuan tema akan dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji akan memilih tema yang bersesuaian dengan kehendak kajian. Pengkaji juga akan diberikan kebebasan untuk menterjemah data dan menentukan tema. Penentuan data provisional atau data sementara perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum melakukan penentuan tema. Hal ini kerana, data provisional ini akan menjadi tema awal hasil daripada analisis yang dijalankan dan ia mempunyai kemungkinan untuk berubah apabila data – data provisional yang lain telah dianalisis. Data provisional ini terhasil adalah daripada hasil pemerhatian terhadap kod dan juga kumpulan yang memiliki persamaan mahupun perbezaan maksud. Pemeriksaan kembali keatas transkrip harus dilakukan oleh pengkaji bagi memastikan tema provisional yang dibentuk selari dengan data yang telah diperoleh. Pengkaji juga perlu membandingkan setiap tema-tema provisional yang lain untuk mengenalpasti apakah tema-tema tersebut sama ataupun berbeza.

### **3.4 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN**

Menurut Fraenkel Jack. R dan Norman. E. Wallen (1996), Kesahan dinyatakan sebagai ketekalan, keaslian, mempunyai makna dan alat yang boleh digunakan bagi menyimpulkan kesemua data – data yang diperolehi. Kesahan juga bermaksud kesepakatan diantara 2 penyelidikan bagi mengukur persamaan sifat secara mendalam dengan kaedah yang berbeza (Campbell & Fiske, 1959). Melalui kajian ini, terdapat 2 alat yang harus mendapat kesahan.

Menurut Kamarul Azmi Jazmi (2012), kebolehpercayaan merupakan suatu tema yang menjurus kepada ketepatan dan kemampuan suatu sukanan, pengukur, kajian atau soal selidik yang melalui waktu terhadap suatu tanggapan. Matlamat kebolehpercayaan adalah untuk memastikan bahawa jawapan yang diberikan suakan itu adalah sama ketika ia digunakan dalam menyukat tema yang sama kepada pemaklumat yang sama.

#### **3.4.1 Kesahan Alat Temu Bual dan Kajian Kepustakaan (Kualitatif)**

Bagi kajian penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji ini, pengkaji memilih untuk menggunakan teknik Triangulasi dalam membuat kesahan terhadap alat temu bual dan dokumen. Teknik Triangulasi dimaksudkan sebagai teknik yang menggabungkan pelbagai kaedah mengumpul maklumat dan sumber maklumat yang telah wujud (Sugiyono,2011). Berdasarkan kajian, pengkaji telah mengaplikasi teknik Triangulasi iaitu menggabungkan 2 keadaan pengumpulan data iaitu temubual dan kajian kepustakaan.

Penggabungan kaedah kajian kepustakaan bersama di dalam teknik Triangulasi ini bukan sahaja mampu untuk menjadi bahan sokongan dan bukti kepada sumber lain tetapi ia juga berupaya mengesahkan data yang diperolehi dari kaedah temu bual.

### **3.4.2 Kebolehpercayaan Alat Temu Bual dan Kajian Kepustakaan (Kualitatif)**

Berdasarkan kajian yang dilakukan pengkaji menggunakan alat kualitatif temubual dan kajian kepestakaan. Oleh itu, untuk meningkat tahap kebolehpercayaan terhadap alat pemerhatian dan kajian kepustakaan ini pengkaji telah melakukan beberapa teknik.

Bagi meningkatkan tahap kebolehpercayaan terhadap alat temu bual ini, pengkaji telah menggunakan teknik rujuk silang secara sistematis. Teknik ini merupakan teknik dimana pengkaji mendapat maklumat – maklumat yang sama daripada kesemua informen dan maklumat – maklumat tersebut akan diulang beberapa kali didalam satu baris ayat. Pengkaji akan menggunakan kaedah ini ketika melakukan tugas pengekodan maklumat berdasarkan transkrip temu bual.

Berdasarkan teknik ini juga, pengkaji akan mendengar rakaman – rakaman audio yang dirakam ketika sesi temu bual tersebut secara berulang kali. Pengkaji juga akan meneliti catatan – catatan nota yang diambil oleh pengkaji ketika sesi temu bual itu secara lebih teliti dan juga berulang kali. Perkara ini dilakukan oleh pengkaji adalah untuk memastikan dan juga meyakinkan bahawa maklumat yang dimasukkan kedalam transkrip tersebut adalah benar. Setalah transkrip tersebut telah siap, pengkaji akan membaca transkrip tersebut secara berulang kali bagi memastikan tiada kesalahan yang dilakukan ketika proses menterjemah audio tersebut kedalam bentuk transkrip.

Seterusnya, kebolehpercayaan terhadap hasil yang diperolehi daripada kaedah kajian kepustakaan. Bagi meningkatkan tahap kebolehpercayaan terhadap hasil tersebut pengkaji telah melakukan pencarian dan penyelidikan yang mendalam bagi memastikan kata – kata atau ungkapan – ungkapan yang dipilih oleh pengkaji sering digunakan oleh penyelidik lain.

### 3.5 KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhannya, bahagian ini menumpukan kepada perbincangan serta menghuraikan perkara yang berkait dengan metodologi kajian yang terdiri daripada proses pengumpulan data, kaedah analisis data dan kesahan dan kebolehpercayaan data. Dalam bahagian proses pengumpulan data pengkaji telah menerangkan tentang kaedah pengumpulan data yang pengkaji gunakan bagi memperolehi data primer dan data sekunder. Dalam bab ini, pengkaji juga menjelaskan tentang reka bentuk kajian dan instrumen kajian yang telah pengkaji gunakan manakala pada bahagian analisis data, pengkaji menerangkan tentang kaedah atau cara yang pengkaji gunakan untuk memastikan data yang diperolehi ialah data yang benar. Bahagian seterusnya iaitu kesahan dan kebolehpercayaan data, pengkaji telah menerangkan tentang teknik yang digunakan untuk memastikan data atau hasil yang diperolehi itu disahkan dan boleh dipercayai. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa bab metodologi kajian ini merupakan bab yang penting didalam sesuatu kajian yang dilakukan. Hal ini kerana, tanpa adanya bahagian metodologi kajian ini maka kajian tidak dapat diselesaikan kerana data yang sahif tidak dapat diperolehi.

## BAB IV

### ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan dengan lebih jelas tentang analisis yang dilakukan terhadap hasil dapatan kajian yang diperolehi pengkaji. Pengkaji memperolehi dapatan kajian berkaitan dengan Istana Balai Besar Alor Setar ini melalui kaedah kualitatif. Data – data yang diperolehi adalah berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang dibentuk. Data – data kajian yang diperoleh adalah berkaitan dengan sejarah perbinaan Istana Balai Besar Alor Setar, fungsi terkini istana Balai Besar Alor Setar dan peranan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan warisan Istana Balai Besar Alor Setar. Pengkaji telah menggunakan kaedah pengumpulan data primer dan sekunder dalam mendapatkan hasil dapatan kajian. Temu bual telah dijalankan ke atas 4 orang individu pihak bertanggungjawab di sekitar Alor Setar iaitu pihak Muzium Negeri Kedah, Jawatan Warisan Negara, Perpustakaan Awam Negeri Kedah dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah. Data temu bual berkaitan Pengurusan Warisan Seni Bina: Tinjauan di Istana Balai Besar, Alor Setar yang diperolehi telah dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. bahagian A merangkumi soalan yang berkaitan data demografi responden seperti nama, umur, jantina dan pekerjaan. Bahagian B pula merangkumi soalan berkaitan objektif meneroka sejarah pembinaan Istana Balai Besar Alor Setar manakala bahagian C melibatkan soalan berkaitan dengan objektif menghuraikan fungsi – fungsi terkini Istana Balai Besar Alor Setar. Bahagian D merupakan bahagian yang berkaitan dengan menganalisis penglibatan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan warisan bagi memelihara dan memulihara Istana Balai Besar, Alor Setar. Sesi temu bual ini telah dijalankan secara atas talian kerana

mempertimbangkan risiko yang akan berlaku akibat daripada setuasi semasa Pandemik Covid -19. Dapatan kajian yang diperolehi pengkaji dianalisis menggunakan kaedah tematik. Bagi mengukuhkan perbincangan bab ini, dapatan kajian turut dianalisis menggunakan teori fungsionalisme.

#### **4.2 ANALISIS DAPATAN TEMU BUAL**

Seperti yang dinyatakan di dalam ulasan pada bab tiga, dapatan kajian pada bab ini diperolehi daripada temu bual terhadap 4orang responden. 4 orang responden ini telah dipilih oleh pengkaji bagi mewakili pihak – pihak bertanggungjawab ke atas pemuliharaan bangunan – bangunan bersejarah yang terdapat di sekitar Alor Setar. Responden – responden yang dipilih juga mempunyai pengetahuan tentang Istana Balai Besar Alor Setar. Perkara ini adalah bagi memudahkan pengkaji untuk mendapatkan data – data berkaitan dengan jelas dan tepat. Bagi memudahkan pengkaji dalam menganalisis data yang diperolehi, responden telah dilabelkan dengan kod – kod seperti jadual berikut:

Jadual 4.1: Kod label Responden dan Huraian

Kod	Huraian
JMNK	Jabatan Muzium Negeri Kedah
JWN	Jabatan Warisan Negara
PANK	Perpustakaan Awam Negeri Kedah
PSMCK	Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Temu bual yang dijalankan secara atas talian ini menggunakan panggilan video whatsapp dan juga panggilan telefon. Hal ini adalah kerana pengkaji tidak ingin mengambil risiko akibat pandemik covid – 19 yang melanda. 3 orang responden iaitu

daripada pihak Jabatan Warisan Negara, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan Perpustakaan Awam Negeri Kedah telah menggunakan kaedah panggilan telefon manakala bagi seorang responden lain iaitu dari Jabatan Muzium Negeri Kedah bersetuju untuk menggunakan kaedah panggilan video whatsapp. Temu bual telah direkodkan menggunakan aplikasi rakam skrin dan rakam suara. Kesemua responden yang ditemu bual berbangsa melayu dan terdiri daripada 2 lelaki dan 2 perempuan. Maklumat responden dijadual seperti berikut:

Jadual 4.2: Maklumat Responden

Maklumat responden	JMNK	JWN	PANK	PSMCK
<b>Jantina</b>				
Lelaki		/		/
Perempuan	/		/	
<b>Bangsa</b>				
Melayu	/	/	/	/
<b>Pekerjaan</b>				
Pegawai		/		/
Pembantu Pegawai	/		/	
<b>Umur</b>				
40 – 60 Tahun	/	/	/	/

Sumber: Kajian Lapangan,2021

Tema dalam kajian ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu pembinaan Istana Balai Besar, fungsi Istana Balai Besar dan peranan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan Istana Balai Besar. Sub tema bagi tema pertama terbahagi kepada 2 manakala bagi tema kedua pula sub tema terdiri daripada 1 bahagian sahaja. Bagi tema ketiga pula, sub temanya terbahagi kepada 2 bahagian. Tema dan sub tema telah diringkaskan dalam bentuk jadual seperti berikut:

Jadual 4.3: Tema dan Sub Tema Temu Bual

No.	Tema	Sub Tema
A	Pembinaan Istana Balai Besar	A1: Sejarah Pembinaan Istana Balai Besar A2: Struktur binaan Istana Balai Besar
B	Fungsi Istana Balai Besar	B1: Fungsi terdahulu dan terkini Istana Balai Besar
C	Peranan Pihak Bertanggungjawab dalam pengurusan warisan Istana Balai Besar	C1: Penglibatan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan Istana Balai Besar C2: Pendapat pihak bertanggungjawab tentang penglibatan pihak NGO dan komuniti dalam pengurusan Istana Balai Besar

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

## **4.3 PEMBINAAN ISTANA BALAI BESAR**

Analisis bagi tema ini terbahagi kepada 2 sub tema. Pada bahagian ini akan diterangkan tentang sejarah pembinaan dan struktur binaan Istana Balai Besar yang terdapat di Alor Setar. Data yang diperolehi melalui temu bual adalah seperti berikut:

### **4.3.1 Sejarah Pembinaan Istana Balai Besar**

Analisis sub tema ini adalah berdasarkan pengetahuan responden tentang sejarah pembinaan Istana Balai Besar di Alor Setar. Berikut merupakan pengetahuan kesemua responden terhadap sub tema pertama.

*Sejarah Balai Besar ini berkait rapat dengan pembukaan Alor Setar sebagai pusat pemerintahan di Kedah. Balai besar ini pada tarikh 31 Disember 1735 tu memang telah siap dibina. Bangunan Balai Besar ini dibina bersama beberapa bangunan lain seperti istana diraja dan Masjid Zahir. Jika berdasarkan sejarah asal yang panjang, Balai Besar telah mengalami banyak perubahan dan penambahbaikan. Balai Besar ini sebenarnya bukanlah istana tetapi merupakan balai penghadapan.*

(JMNK)

*Balai Besar merupakan salah satu bangunan yang dibina ketika awal pembukaan Alor Setar sebagai pusat pemerintahan. Pembinaan Balai Besar Alor Setar ini telah selesai pada akhir tahun 1735. Balai Besar Alor Setar ini telah banyak mengalami kerosakan akibat daripada serangan negara luar dan telah dibina semula pada tahun 1896.*

(JWN)


*Balai Besar merupakan sebuah monumen yang menjadi kebanggaan rakyat Kedah. Balai Besar merupakan sebuah Balairung Seri atau Balai Penghadapan yang mula dibina pada tahun 1710 oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II dan beroperasi pada tahun 1735 dengan fungsi sebagai tempat mengendalikan upacara rasmi diraja dan kerajaan.*

(PSMCK)

*Balai Besar merupakan sebuah bangunan sejarah yang dibina pada tahun 1735 yang digunakan sebagai Balai Penghadapan bagi raja dan pembesar. Balai Besar juga digunakan untuk menjalankan aktiviti rasmi diraja. Idea bagi membangunkan Balai Besar dikatakan berasal daripada Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II.*

(PANK)

Berdasarkan maklumbalas yang diberikan oleh responden, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kebanyakkan pihak – pihak bertanggungjawab mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang mencukupi tentang sejarah pembinaan Istana Balai Besar Alor Setar. Kesemua responden mengetahui bahawa pembinaan Istana Balai Besar ini adalah ketika pusat pemerintahan dipindahkan ke Alor Setar iaitu pada tahun 1735. Kesemua responden juga tahu bahawa Balai Besar Alor Setar ini dijadikan sebagai Balai Penghadapan. Terdapat 2 responden yang mengatakan bahawa pembinaan Balai Besar Alor Setar merupakan idea asal Sultan Kedah yang ke – 19.



Gambar 4.1: Bangunan Asal Balai Besar Alor Setar

Sumber: penbiru.com, 2016



Gambar 4.2: Bangunan Balai Besar Alor Setar sekarang

Sumber: Jurnal Malaysia, 2015

#### 4.3.2 Struktur Binaan Istana Balai Besar

Analisis sub tema ini adalah berkaitan dengan pengetahuan responden tentang struktur binaan bangunan Balai Besar Alor Setar yang terdahulu dan terkini. Pengetahuan responden tentang struktur binaan Balai Besar Alor Setar ini juga merangkumi tentang pengaruh yang terdapat dalam struktur binaan tersebut. Berikut merupakan petikan temu bual kesemua responden untuk sub tema kedua bagi tema pertama.

*Jika mengikut binaan asal, binaan Balai Besar ini sepenuhnya dibina dengan menggunakan kayu kerana bahan – bahan binaannya mudah didapati di sekitar Alor Setar tetapi disebabkan beberapa kali terlibat dalam serangan pihak luar seperti Bugis dan Angkatan Tentera Siam binaan Balai Besar ini telah musnah dan dibiarkan. Namun begitu, pada tahun 1841 iaitu ketika Siam menyerahkan kembali negeri Kedah kepada sultan pemberian Balai Besar telah dilakukan yang menyebabkan berlakunya beberapa perubahan terhadap struktur binaan Balai Besar seperti penambahan bumbung genting. Selain itu juga jika mengikut binaan asal Balai Besar tidak mempunyai bahagian kiri dan kanan tetapi ia telah ditambah. Binaan struktur Balai Besar juga mempunyai pengaruh nusantara, melayu dan siam yang dapat dilihat pada bumbung bangunan serta berkaitan dengan alam semulajadi seperti ukiran bunga teliput dan bunga teratai.*

(JMNK)

*Bahan binaan yang digunakan semasa pembinaan Balai Besar Alor Setar pada awalnya adalah kayu sepenuhnya namun setelah dibina semula struktur Bangunan Balai Besar ini menggunakan campuran bahan seperti simen, kayu dan besi. Meskipun, bahan binaan berbeza tetapi pengaruh senibina yang terdapat dalam binaan Balai Besar ini masih sama iaitu pengaruh jawa dan siam.*

(JWN)

*Bangunan Balai Besar dibina dengan menggunakan kayu cengal emas. Binaan Balai Besar ini juga mempunyai ukiran bewarna emas. Bangunan Balai Besar Alor Setar mempunyai 42 tiang kayu. Selain tiang, lantai dan atap Balai Besar*

*juga diperbuat daripada kayu. Kini binaan Balai Besar Alor Setar mempunyai sedikit perbezaan akibat aktiviti baik pulih yang dilakukan dimana terdapat penambahan elemen simen dan besi. Ukiran yang terdapat pada binaan ini masih sama. Binaan ini mempunyai pengaruh Nusantara.*

(PSMCK)

*Bangunan Balai Besar dahulunya diperbuat daripada kayu. Semua bahagian bangunan iaitu lantai, tiang dan atap adalah kayu sepenuhnya. Kayu yang digunakan adalah kayu cengal emas kerana kayu ini mempunyai struktur yang kuat dan teguh. Bangunan ini juga mempunyai ukiran yang indah. Pengaruh yang terdapat dalam struktur senibina ini adalah pengaruh siam dan Nusantara atau Jawa. Bangunan Balai Besar ini telah mengalami kemasuhanan dan telah dibaiki yang menyebabkan binaan ini mempunyai sedikit perbezaan daripada segi bahan binaan iaitu terdapat pertambahan bahan seperti simen dan besi.*


(PANK)

Berdasarkan data yang diperolehi daripada temu bual bersama para responden, pengkaji mendapati bahawa struktur binaan Istana Balai Besar pada hari ini mempunyai sedikit perbezaan akibat daripada aktiviti baik pulih yang telah dilakukan. Perbezaan yang jelas kelihatan adalah berkaitan dengan bahan binaan. Selain itu, penambahan ruang juga merupakan perbezaan yang dapat dilihat. Meskipun terdapat perbezaan pada binaan bangunan tersebut namun ukiran pada bangunan masih sama. Pengkaji juga mendapati bahawa struktur binaan Balai Besar ini dipengaruhi dengan pengaruh daripada negara jiran dan negara yang pernah menyerang Kedah.



Gambar 4.3: Tebar layar dengan ukiran matahari memancar rembang pengaruh Siam

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2020



Gambar 4.4: Atap Balai Besar yang diperbuat daripada kayu Damar

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2020

KELANTAN



Gambar 4.5: 3 lapisan cermin dari China dengan ukiran awan larat

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2020



Gambar 4.6: Ukiran daun dan bunga yang terletak diantara 2 pintu Balai Besar

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2020

MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar 4.7: Tapak gantungan lampu dengan corak bunga terung

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2020



Gambar 4.8: Bahagian atas tiang Balai Besar dengan corak awan larat

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2020

## 4.4 FUNGSI ISTANA BALAI BESAR

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, terdapat beberapa perbezaan antara fungsi Istana Balai Besar pada masa dahulu dan kini. Fungsi – fungsi tersebut adalah seperti berikut:

### 4.4.1 Fungsi Terdahulu dan Terkini Istana Balai Besar

Pada bahagian ini pengkaji menganalisis sub tema bagi tema yang kedua iaitu berkaitan dengan pengetahuan responden – responden tentang fungsi – fungsi terdahulu dan terkini Istana Balai Besar Alor Setar. Berikut merupakan petikan temu bual kesemua responden.

*Istana Balai Besar pada masa dahulu merupakan sebuah balai penghadapan dimana sultan akan berjumpa dan bermesyuarat dengan para pembesar serta rakyat di Balai Besar ini. Selain sebagai tempat perjumpaan antara sultan dengan rakyat, Balai Besar juga digunakan sebagai tempat menjalankan majlis yang berkaitan dengan kerabat diraja seperti berkhatan, berinai dan perkawinan. Namun kini, disebabkan peredaran masa yang berlaku Istana Balai Besar ini dilihat tidak sesuai lagi dijadikan sebagai pusat pemerintahan oleh itu ia hanya digunakan untuk menjalankan upacara rasmi diraja sahaja seperti upacara letak kerja bersempena istiadat pertabalan Sultan Kedah. Selain itu, Istana Balai Besar ini juga kini digunakan sebagai ikon pelancongan dan daya tarikan pelancong di Kedah.*

(JMNK)

*Mengikut maklumat, Balai Besar pada masa dahulu digunakan sebagai balai penghadapan, balai pentadbiran kerajaan negeri Kedah dan juga sebagai tempat menjalankan upacara rasmi diraja. Pada masa sekarang, Balai Besar hanya digunakan sebagai tempat menjalankan upacara rasmi diraja dan sebagai pameran.*

(JWN)

*Semasa awal pembukaan, Balai Besar digunakan sebagai pusat pemerintahan. Balai Besar juga digunakan sebagai Balairung dimana sultan dan para pembesar serta rakyat akan berjumpa dan berbincang tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat. Balai Besar juga digunakan sebagai tempat menjalankan upacara – upacara rasmi diraja. Kini, Balai Besar hanya digunakan untuk menjalankan upacara rasmi diraja sahaja.*

(PSMCK)

*Balai Besar Alor Setar digunakan sebagai pusat pemerintahan semasa awal pembukaannya. Kesemua aktiviti berkaitan dengan pemerintahan negeri Kedah ketika tahun 1735 tersebut dilakukan di Balai Besar termasuklah mesyuarat diantara sultan, pembesar dan rakyat. Selain itu, Balai Besar juga digunakan dalam upacara rasmi diraja pada masa dahulu seperti pertabalan sultan ataupun perkhawinan diraja. Pada hari ini, Balai Besar digunakan hanya untuk aktiviti rasmi diraja sahaja.*

(PANK)

Berdasarkan jawapan temu bual yang diperolehi oleh pengkaji didapati bahawa kesemua responden mempunyai pandangan dan pengetahuan yang sama iaitu Istana

Balai Besar ini pada masa dahulu merupakan salah satu bangunan yang penting dalam pemerintahan kerajaan negeri Kedah. Kesemua aktiviti pemerintahan negeri Kedah dilakukan di situ termasukkan upacara rasmi keluarga diraja negeri Kedah manakala pada masa sekarang fungsi bangunan ini telah dikurangkan dengan hanya memfokuskan kepada upacara rasmi diraja sahaja.



Gambar 4.9: Upacara Sambutan Jubli Emas 50 tahun Pemerintahan KDYMM Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Sumber: Razifadzil.wordpress.com, 2008



Gambar 4.10: Lawatan pegawai kerajaan Siam di Balai Besar Kedah

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2020



Gambar 4. 11: Perayaan perkawinan Tengku Mahmud

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2020



4. 12: Istiadat letak kerja

Sumber: Youtube Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, 2018

#### **4.5 PERANAN PIHAK BERTANGGUNGJAWAB DALAM PENGURUSAN ISTANA BALAI BESAR**

Pengkaji ingin mengetahui tentang peranan yang dimainkan oleh pihak bertanggungjawab dalam usaha mengurus iaitu memelihara dan memulihara Istana

Balai Besar Alor Setar. Berikut merupakan maklumbalas atau jawapan yang telah diberikan oleh pihak bertanggungjawab yang dipilih.

#### **4.5.1 Penglibatan Pihak Bertanggungjawab dalam Pengurusan Istana Balai Besar**

Soalan berkaitan dengan penglibatan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan Istana Balai Besar ini dibuat untuk mengetahui sama ada terdapat banyak pihak yang terlibat dalam aktiviti untuk memelihara dan memulihara warisan Istana Balai Besar Alor Setar ini. Berikut merupakan respon yang telah diberikan oleh responden – respon sebagai wakil kepada pihak bertanggungjawab yang lain.

*aktiviti pemuliharaan pernah dijalankan oleh pihak kami iaitu pada tahun 2000 dengan kerjasama daripada Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia yang mempunyai pakar dalam aktiviti membaikpulih bangunan dan konservasi. Aktiviti ini mengambil masa agak lama kerana mengalami kesukaran dalam mendapatkan bahan binaan dan telah selesai dijalankan pada tahun 2005. Bagi aktiviti pengurusan pula adalah dibawah pentadbiran Pejabat Tuanku Sultan dan pihak kami hanya akan melakukan tindakan sekiranya diminta oleh Pejabat Tuanku Sultan. Aktiviti pengurusan yang dilakukan oleh pihak muzium hanyalah memberi nasihat sekiranya diminta dan perubahan terhadap aktiviti pengurusan adalah bergantung kepada pihak Kerajaan Negeri.*

(JMNK)

*Pihak Jabatan Warisan Negara pernah memohon keizinan daripada pihak Kerajaan Negeri untuk menjalankan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan tetapi masih tidak diberikan keizinan. Pihak Jabatan Warisan Negara juga tidak dapat terlibat dalam peranan untuk menguruskan Balai Besar Alor Setar kerana Balai Besar masih belum diwartakan dalam daftar warisan. Bagi meneruskan*

*usaha pengurusan Balai Besar tidak akan diteruskan oleh pihak kami sebaliknya kami akan terus memohon keizinan daripada pihak Kerajaan Negeri. Bagi perubahan pengurusan mengikut peredaran masa adalah atas tindakan pemilik dan kemungkinannya akan berubah.*

(JWN)

*Sehingga sekarang memang tidak pernah ada tindakan atau penglibatan pihak Persatuan Sejarah Malaysia dalam aktiviti pengurusan Balai Besar kerana Balai Besar ini berada dibawah kuasa pihak kerajaan negeri. Pada masa sekarang, apa yang pihak persatuan buat hanyalah mengumpul dan memberi maklumat tentang Balai Besar kepada masyarakat. Kami juga pernah melakukan sebuah program yang membantu masyarakat untuk lebih mengenali kawasan bersejarah di Alor Setar termasuklah Balai Besar. Program tersebut ialah program “Walking Distance”. Jika berkaitan dengan meneruskan aktiviti pengurusan ini pihak persatuan tidak akan meneruskannya sekiranya tidak dibenarkan begitu juga sebaliknya jika dibenarkan. Perubahan tindakan pengurusan bagi saya adalah bergantung kepada pihak kerajaan negeri.*

(PSMCK)

*Bagi aktiviti pengurusan Balai Besar, pihak kami memang tidak pernah terlibat sama sekali. Pihak kami hanya terlibat dalam penyimpanan maklumat tentang Balai Besar sahaja. Tindakan apa yang pihak perpustakaan buat hanya memberi maklumat kepada masyarakat sekiranya ditanya atau ditemubual kerana Balai Besar merupakan bangunan kerajaan negeri. Untuk meneruskan tindakan pengurusan, saya rasa pihak kami tidak sesuai untuk melakukannya berbanding dengan pihak muzium atau pihak Jabatan Warisan Negara dan*

*untuk perubahan tindakan pengurusan adalah bergantung diatas kehendak pihak kerajaan sekiranya mereka ingin mengubah Balai Besar sebagai muzium.*

(PANK)

Berdasarkan respon yang diberikan oleh para responden, pengkaji mendapati bahawa tiada banyak penglibatan yang dilakukan oleh pihak bertanggungjawab di dalam pengurusan Istana Balai Besar yang disebabkan tidak mendapat permintaan atau keizinan daripada pihak Kerajaan Negeri. Hanya terdapat satu aktiviti pemeliharaan yang telah dilakukan pada tahun 2000 hingga tahun 2005 oleh pihak Muzium Negeri Kedah. Pihak Muzium pernah menjalankan aktiviti baik pulih bangunan Balai Besar tersebut. Bagi ketiga – tiga responden yang lain, mereka mengatakan bahawa tindakan yang hanya boleh dilakukan oleh mereka buat masa sekarang ialah memberi atau menyebarkan maklumat tentang Balai Besar kepada masyarakat.

JEJAK TEMPAT BERSEJARAH DI ALOR SETAR			
BIL	TRAIL	JARAK	MASA
1.	Museum Diraja → Balai Besar	50 m	1 min
2.	Balai Besar → Pintu Gerbang Kota Tengah	150 m	3 min
3.	Pintu Gerbang Kota Tengah → Balai Nobut	50 m	1 min
4.	Balai Nobut → Galeri Sultan Abdul Halim Muadzam Shah	50 m	1 min
5.	Galeri Sultan Abdul Halim Muadzam Shah → Menara Jam Besar Alor Setar	100 m	2 min
6.	Menara Jam Besar Alor Setar → Masjid Zahir	150 m	3 min
7.	Masjid Zahir → Tugu Dikini Bermula Alor Setar	300 m	5 min
8.	Tugu Dikini Bermula Alor Setar → Rumah Api Tanjung Chali	600 m	8 min
9.	Rumah Api Tanjung Chali → Rumah Kelahiran Tun Mahathir	550 m	7 min
10.	Rumah Kelahiran Tun Mahathir → Batu Tanda Terusan Wan Mat Samaan	300 m	5 min
11.	Batu Tanda Terusan Wan Mat Samaan → Tugu Jepun	400	6 min
12.	Tugu Jepun → Balai Polis Lama Alor Setar, Jalan Raja	180 m	3 min
13.	Balai Polis Lama Alor Setar, Jalan Raja → Pejabat Pos Lama Alor Setar, Jalan Raja	50 m	1 min
14.	Pejabat Pos Lama Alor Setar, Jalan Raja → Alor Setar Street Art	80 m	2 min
15.	Alor Setar Street Art → Masjid Nagore	100 m	2 min
16.	Masjid Nagore → Pasar Buah	80 m	2 min
17.	Pasar Buah → Tugu Peringatan 250 Tahun Bandar Alor Setar → Pekan Rabu	150 m	3 min
18.	Tugu Peringatan 250 Tahun Bandar Alor Setar → Pekan Rabu	300 m	5 min

Gambar 4.13: Jadual program “walking distance”

Sumber: Kajian lapangan, 2021

#### 4.5.2 Penglibatan Badan bukan kerajaan (NGO) dan Komuniti Dalam Pengurusan Istana Balai Besar

Soalan berkaitan dengan penglibatan pihak NGO dan komuniti dalam pengurusan Istana Balai Besar ini dibuat adalah untuk mengetahui adakah pihak NGO dan komuniti dilihat sebagai salah satu pihak yang memainkan peranan penting dalam menjalankan aktiviti pengurusan sesuatu bangunan warisan. Berikut merupakan jawapan yang diberikan oleh para responden yang dipilih.

*Penglibatan pihak NGO amat diperlukan dalam membantu pihak muzium dalam menjalankan aktiviti pemuliharaan ini. Bantuan yang boleh disumbangkan oleh pihak NGO adalah seperti sumbangan dana. Bagi pihak masyarakat pula, masyarakat haruslah lebih peka dan mengambil tahu maklumat tentang bangunan – bangunan warisan seperti Istana Balai Besar ini serta mempunyai kesedaran umum seperti peraturan melawat suatu tempat warisan tersebut.*

(JMNK)

*Kami dari pihak Jabatan Warisan Negara amat memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuklah pihak Kerajaan Negeri, pihak komuniti dan pihak NGO sama ada untuk sama – sama menjaga atau memeriahkan bangunan tersebut.*

(JWN)

*Bagi pihak persatuan, penglibatan pihak NGO dan komuniti merupakan sesuatu yang amat diperlukan sekiranya kita mampu untuk tindakan pengurusan dan pemeliharaan Balai Besar ini berjalan dengan lancar. Hal ini kerana, kita*

*sudah mengetahui bahawa kos untuk mengurus dan memelihara sebuah bangunan warisan adalah tinggi dan dengan adanya penglibatan pihak NGO dan komuniti ini sedikit sebanyak mampu mengurangkan kos tersebut. Selain itu, pihak NGO dan komuniti ini juga dilihat perlu terlibat kerana pihak – pihak ini mempunyai kelebihan dalam menyampaikan maklumat tentang Balai Besar yang membolehkan Balai Besar lebih dikenali oleh masyarakat luar.*

(PSMCK)

*Sekiranya dibenarkan oleh pihak kerajaan negeri, penglibatan pihak NGO dan komuniti merupakan perkara yang amat diingini untuk berlaku. Saya berkata sedemikian adalah kerana pihak –pihak tersebut mempunyai pengaruh dan kelebihan. Pihak NGO dilihat dapat membantu dalam pengurus dan pemeliharaan Balai Besar dari segi bantuan kewangan dan tenaga kerja manakala pihak komuniti dilihat mampu membantu dari segi menyebarkan maklumat.*

(PANK)

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh kesemua responden, pengkaji dapat mengetahui bahawa peranan atau kerjasama oleh pihak NGO dan pihak komuniti juga ditagih dalam menguruskan sesuatu bangunan warisan kerana setiap pihak mempunyai kelebihan yang tersendiri. Pihak NGO dikatakan mampu membantu dalam mengurangkan kos manakala pihak komuniti mampu membantu dalam memperkenalkan Balai Besar kepada masyarakat sama ada dalam atau luar negeri Kedah.

## **4.6 ANALISIS DAPATAN KAJIAN KEPUSTAKAAN**

Analisis dapatan kajian kepustakaan ini merupakan analisis yang dijalankan terhadap data dapatan yang diperoleh melalui rujukan terhadap jurnal, buku, dan bahan internet yang menjawab terhadap objektif kajian. Analisis dapatan kajian kepustakaan ini dijalankan adalah untuk menyokong data tembusan yang diperolehi. Keadah ini juga digunakan adalah kerana data yang diperolehi melalui kajian kepustakaan merupakan data benar dan relevan. Berikut merupakan data dapatan kajian kepustakaan yang dijalankan.

### **4.6. 1 Sejarah Pembinaan Istana Balai Besar**

*Balai Besar Alor Setar merupakan bangunan yang mula dibina pada tahun 1726 oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II yang merupakan sultan Kedah pada ketika itu. Pembinaan Balai Besar Alor Setar merupakan salah satu bentuk persediaan awal oleh Sultan Muhammad Jiwa bagi berpindah dari Kota Bukit Pinang ke Alor Setar.*

(Buku Balai Besar Dalam Lipatan Sejarah 1726 – 2018, halaman 2 & 3)

### **4.6.2 Struktur Binaan Istana Balai Besar**

*Struktur binaan Asal Istana Balai Besar Alor Setar sepenuhnya dibina menggunakan kayu. Bahagian tiang dan alang bangunan ini menggunakan kayu cengal manakala bahagian atap menggunakan atap rumbia. Bangunan ini mempunyai 2 buah tangga yang melengkung ke kiri dan ke kanan. Bahagian bumbung bangunan ini juga dibina secara bertingkat bagi membezakan ruang di dalam bangunan tersebut.*

(Buku Balai Besar Dalam Lipatan Sejarah 1726 – 2018, halaman 4 & 5)

*Struktur binaan Istana Balai Besar Alor Setar selepas pembinaaan semula masih mengekalkan bentuk asalnya meskipun mempunyai pertambahan dari segi bahan binaannya iaitu menggunakan kayu merbau pucuk hitam, cengal emas dan kayu giam. Bumbung bangunan ini juga menggunakan papan kayu dammar sebagai ganti atap rumbia. Bahagian asas bangunan ini menggunakan kayu bakau yang disusun secara membujur dan melintang dan berselang seli serta dituang simen, batu, pasir dan tanah. Bangunan ini juga mempunyai ukiran – ukiran pada bahagian tiang dan langit – langit.*

(Buku Balai Besar Dalam Lipatan Sejarah 1726 – 2018, halaman 11, 12 & 13)

#### **4.6.3 Fungsi Istana Balai Besar**

*Bangunan Balai Besar Alor Setar pada masa dahulu merupakan sebuah bangunan yang digunakan untuk aktiviti pemerintahan negeri Kedah. Bangunan ini juga digunakan untuk menjalankan upacara rasmi diraja seperti Pertabalan, Istiadat Perkhawinan dan Letak Kerja, Istiadat Pengurniaan Bintang dan Sambutan Surat Asing serta Istiadat Kemangkatan Diraja.*

(Buku Balai Besar Dalam Lipatan Sejarah 1726 – 2018, halaman 16 - 20)

#### **4.7 ANALISIS PENDEKATAN FUNGSIONALISME TALCOTT PARSONS (1937)**

Pendekatan Fungsionalisme merupakan pendekatan yang dikemukakan oleh Talcott Parsons (1937) yang berkaitan dengan konsep tindakan atau interaksi melalui motif atau nilai dalam membentuk satu sistem sosial. Talcott Parsons juga telah membentuk Model Adaptasi (Adaptation), Matlamat (Goal), Intergrasi (Intergration) dan Latensi (Latency) atau secara ringkasnya AGIL di dalam pendekatan Fungsionalisme ini. Terdapat 4 elemen penting di dalam model AGIL yang harus dikaitkan bagi menjayakan

penggunaan pendekatan fungsionalisme di dalam Pengurusan Warisan Seni Bina: Tinjauan Di Istana Balai Besar Alor Setar.

Pendekatan fungsionalisme dilihat sesuai untuk diaplikasikan di dalam kajian berkaitan dengan pengurusan warisan seni bina: tinjauan di Istana Balai Besar alor setar. Menurut Talcott Parsons (1937), terdapat 4 elemen penting di dalam model AGIL yang harus diikuti bagi menjayakan pendekatan fungsionalisme ini. keempat – empat elemen di dalam Model AGIL tersebut ialah adaptasi, matlamat, integrasi dan latensi.

#### **4.7.1 Adaptasi**

Di dalam model ini, adaptasi diertikan sebagai kemampuan suatu sistem untuk bertindakbalas dan menyesuaikan keadaan terhadap perubahan luaran. Talcott Parsons (1937) melihat elemen adaptasi ini berdasarkan perilaku. Munurut Soekanto (2000), adaptasi merupakan proses perubahan bagi menyesuaikan dengan keadaan yang berubah dan proses memanfaatkan sumber-sumber yang terhad untuk kepentingan sistem. Sears (1985) pula mengatakan bahawa adaptasi pada umumnya dilakukan kerana 2 perkara iaitu perlakuan orang lain memberi manfaat dan kerana ingin diterima. Dalam kajian ini, pihak bertanggungjawab dilihat dapat beradaptasi dengan perubahan yang terjadi kepada Istana Balai Besar Alor Setar. Berdasarkan temu bual yang dijalankan dapat menunjukkan bahawa pihak – pihak bertanggungjawab mengikuti perkembangan Balai Besar Alor Setar. Pihak – pihak bertanggungjawab masih mampu memberi maklumat tentang sejarah, fungsi dan aktiviti pengurusan dan pemeliharaan yang dijalankan berkaitan dengan Istana Balai Besar Alor Setar.

#### **4.7.2 Matlamat**

Elemen kedua yang terdapat di dalam model AGIL pendekatan fungsionalisme ialah matlamat. Matlamat di dalam kajian ini dapat dimaksudkan dengan kemampuan sistem untuk mendefinisi dan mencapai tujuan mereka. Menurut Kamus Edisi Keempat, matlamat didefinisikan sebagai sesuatu tujuan yang dijalankan untuk berjaya dan dicapai. Berdasarkan temu bual yang dijalankan dapat dilihat bahawa pihak – pihak bertanggungjawab masih belum mencapai matlamat organisasi mereka sepenuhnya. Kesemua organisasi pihak bertanggungjawab yang ditemu bual hanya mencapai matlamat mereka dalam mengetahui sejarah dan fungsi Istana Balai Besar dan masih belum dapat mencapai matlamat mereka untuk terlibat di dalam aktiviti pengurusan dan pemeliharaan bangunan tersebut.

#### **4.7.3 Integrasi**

Seterusnya, elemen ketiga model AGIL iaitu integrasi. Integrasi di dalam model AGIL ini dapat difahamkan sebagai penghasilan unit sistem yang mempunyai diantara komponen berbeza yang mengfokuskan kepada sesuatu perkara. Integrasi juga didefinisikan sebagai suatu proses interaksi yang berlaku diantara kesemua kelompok yang menyatakan sesebuah organisasi atau sistem (Paul B Horton, 1976). Didalam kajian yang telah dijalankan, pengkaji dapat mengetahui bahawa pihak – pihak bertanggungjawab kebanyakannya masih belum mempunyai integrasi yang kukuh bagi melakukan tindakan pengurusan dan pemeliharaan Balai Besar Alor Setar. Hal ini kerana, pihak – pihak bertanggungjawab tidak mendapat kebenaran daripada pihak pengurusan Istana Balai Besar tersebut bagi meneruskan aktiviti mengurus dan memelihara.

#### 4.7.4 Latensi

Elemen model AGIL didalam pendekatan fungsionalisme yang terakhir ialah latensi atau pemeliharaan pola. Latensi di dalam model AGIL pendekatan fungsionalisme ini diketahui sebagai pengjagaan sesuatu bentuk atau corak budaya sesuatu sistem yang menjadi prinsip dan identiti sistem tersebut. Melalui kajian yang telah dilakukan, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kesemua pihak bertanggungjawab telah menguruskan latensi organisasi mereka sebagai organisasi berteraskan warisan dan sejarah dengan baik. Hal ini dibuktikan dengan kesemua pihak bertanggungjawab mampu memberi maklumbalas kepada soalan temu bual pengkaji berkaitan sejarah, fungsi dan tindakan pengurusan Istana Balai Besar yang telah diajukan. Berikut merupakan rajah kerangka teoritikal bagi teori fungsionalisme yang digunakan oleh pengkaji:



## PENGURUSAN WARISAN SENI BINA: TINJAUAN DI ISTANA BALAI BESAR, ALOR SETAR.

### PENDEKATAN FUNGSIONALISME (TALCOTT PARSONS, 1937)


#### Syarat Fungsionalisme Yang Mempengaruhi Pengurusan Warisan Seni Bina: Tinjauan Di Istana Balai Besar Alor Setar.

**Adaptasi** – kemampuan suatu sistem untuk mengatasi keperluan sistem yang diperlukan dari pihak luar sistem tersebut.

**Matlamat** – memenuhi tindakan atau fungsi sistem.

**Integrasi** – fungsi pengatur hubungan diantara sub-sistem didalam sesebuah sistem

**Latensi** – motivasi atau corak budaya sistem yang tersendiri yang dijadikan sebagai prinsip oleh ahli sistem



Rajah 4.1: Kerangka Teoritikal Pengurusan Warisan Seni Bina: Tinjauan Di Istana Balai Besar, Alor Setar

## **4.8 KESIMPULAN**

Seramai 4 orang responden yang terdiri daripada pegawai daripada pihak – pihak bertanggungjawab yang berumur sekitar 40 tahun hingga 60 tahun telah dipilih untuk membantu pengkaji dalam mengkaji tentang pengurusan warisan seni bina berdasarkan tinjauan di Istana Balai Besar Alor Setar. Hasil kajian temu bual yang dianalisis menunjukkan bahawa majoriti responden mengetahui tentang bangunan Istana Balai Besar dari segi sejarah pembinaannya dan juga fungsi bangunan Balai Besar ini pada masa dahulu mahupun kini. Meskipun majoriti mempunyai pengetahuan luas tentang bangunan Balai Besar ini tetapi mereka tidak banyak terlibat di dalam aktiviti pengurusan bangunan tersebut kerana harus mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Majoriti para responden juga menyatakan bahawa peranan pihak NGO dan pihak komuniti adalah sama penting dalam pengurusan Warisan Seni Bina: Tinjauan Di Istana Balai Besar, Alor Setar ini.

Seterusnya, berdasarkan analisis teori yang dijalankan menggunakan Model AGIL di dalam pendekatan fungsionalisme oleh Talcott Parsons (1937) dapat dinyatakan bahawa pihak – pihak bertanggungjawab telah berjaya di dalam usaha pengurusan warisan bagi Istana Balai Besar Alor Setar meskipun tidak sepenuhnya. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana, pihak – pihak bertanggungjawab hanya dilihat dapat menyesuaikan keadaan terhadap perubahan yang berlaku di Istana Balai Besar Alor Setar dengan menyampaikan maklumat yang benar serta dapat membuktikan identiti mereka sebagai sebuah institusi warisan dengan membantu mengedarkan maklumat kepada masyarakat. Pihak bertanggungjawab masih tidak dapat menyelesaikan matlamat mereka untuk melakukan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan dan tidak dapat mengukuhkan integrasi organisasi mereka kerana masih tidak mendapat kerjasama daripada pihak kerajaan.

## BAB V

### RUMUSAN DAN PENUTUP

#### 5.1 RUMUSAN KAJIAN

Bab ini merupakan bab terakhir dalam kajian ini. Di dalam bab ini rumusan secara ringkas tentang topik perbincangan dan dapatan kajian yang diterangkan dalam bab I hingga bab V akan dilakukan oleh pengkaji.

Bab I merupakan bab berkaitan dengan bahagian pendahuluan yang mengandungi pengenalan, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, definisi operasional dan kepentingan kajian. Pengenalan yang terdapat dalam bab I menerangkan tentang maklumat sejarah mengenai Alor Setar dan Balai Besar. Seterusnya, bab ini juga menerangkan tentang permasalahan kajian iaitu berkaitan dengan aktiviti pengurusan warisan yang kurang dilakukan pada masa kini. Dalam bab ini juga menyatakan tentang persoalan kajian yang terbahagi kepada 3 iaitu berkaitan dengan faktor pembinaan, fungsi terkini dan penglibatan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan warisan di Istana Balai Besar Alor Setar. Terdapat juga 3 objektif yang telah dijelaskan dalam bab ini iaitu berkenaan meneroka sejarah pembinaan, menghuraikan fungsi – fungsi terkini dan menganalisis penglibatan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan warisan. Skop kajian iaitu berkaitan dengan penetapan objek dan lokasi kajian secara terperinci juga dinyatakan di dalam bab ini. Di simpang itu, bab I ini juga menyatakan berkaitan dengan definisi operasional iaitu tentang maksud yang tersirat di dalam kata kunci utama yang terdapat di dalam tajuk kajian. Terdapat 3 kata kunci utama yang dinyatakan dalam bahagian ini iaitu pengurusan warisan, pemuliharaan dan pemeliharaan serta Istana Balai Besar. Selain itu, bab ini juga menerangkan tentang kepentingan kajian. Kepentingan kajian telah

dinyatakan dalam 2 bahagian iaitu kepentingan kepada individu dan kepentingan kepada masyarakat. Bab I ini lebih menumpukan kepada sejarah dan juga memfokuskan kepada pembentukkan penanda aras yang akan digunakan pada bab II dan seterusnya.

Bab II ialah bab yang berkaitan dengan kajian literatur yang terdiri daripada teori, sorotan kajian lepas dan kerangka teoritikal. Teori yang dijelaskan di dalam bab ini ialah Teori Fungsionalisme (Talcott Parsons,1937). Teori Fungsionalisme ini dipilih dalam kajian ini kerana teori ini berkaitan dengan pengurusan. Dalam bahagian ini menerangkan tentang definisi berkaitan teori fungsionalisme, pemahaman teori fungsionalisme menurut pakar dan penerangan teori fungsionalisme menurut Talcott Parsons. Bagi sorotan kajian lepas yang dinyatakan di dalam bab ini pula adalah berkenaan pengambilan penyataan – penyataan yang berhubungan dengan tajuk kajian daripada penulisan atau kajian yang terdahulu. Sorotan kajian yang dinyatakan dalam bab ini adalah mengenai pengurusan warisan, pemuliharaan dan pemeliharaan serta seni bina Istana Balai Besar. Akhir sekali, bab II ini menerangkan tentang kerangka teoritikal yang merupakan panduan yang diikuti oleh pengkaji dalam kajian ini. Kerangka teoritikal dapat dilihat bermula daripada penggunaan teori sehingga objektif kajian dapat dicapai. Kerangka teoritikal ini amat penting bagi memastikan kajian ini berjalan dengan lancar dan dilakukan mengikut susunan yang benar. Oleh itu, bab II ini merupakan bab yang membantu pengkaji mengamati kajian – kajian lepas bagi melakukan penambahbaikan pada kajian yang akan dijalankan.

Bab III pula merupakan bab berkenaan metodologi kajian. Bahagian metodologi kajian adalah bahagian yang menerangkan tentang proses pengumpulan data, kaedah analisis data serta kesahan dan kebolehpercayaan. Proses pengumpulan data yang diterangkan dalam bab ini ialah berkaitan dengan data primer atau data dari sumber asli, data sekunder dan data kualitatif. Dalam proses pengumpulan data ini juga

menerangkan tentang rekabentuk kajian yang digunakan iaitu rekabentuk kualitatif serta menerangkan tentang instrument kajian iaitu temubual dan kajian kepustakaan. Bagi kaedah analisis data pula, kaedah yang dinyatakan adalah kaedah analisis kualitatif iaitu pengkaji menganalisis respon temubual yang dijalankan dan menterjemahkannya dalam bentuk penulisan. Seterusnya, dalam bab III ini juga dinyatakan tentang kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan satu cara bagi memastikan ketelusan kaedah pengumpulan data yang digunakan. Teknik triangulasi telah digunakan dalam bahagian kesahan kajian ini manakala teknik rujuk silang digunakan bagi memastikan kebolehpercayaan.

Bab IV pula adalah bab mengenai dapatan kajian. Di dalam bab ini akan diterangkan berkaitan dengan analisis data yang diperolehi melalui temu bual yang dijalankan terhadap 4 responden yang terdiri daripada pihak – pihak bertanggungjawab yang terlibat dalam bidang warisan. Responden – responden yang ditemu bual dipilih di antara pihak – pihak bertanggungjawab yang terdapat di Negeri Kedah sahaja bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan terperinci. Soalan temu bual yang dihasilkan telah dibahagi kepada 4 bahagian iaitu bahagian demografi responden, pembinaan Istana Balai Besar Alor Setar, fungsi Istana Balai Besar Alor Setar dan Penglibatan Pihak Bertanggungjawab dalam pengurusan warisan Istana Balai Besar Alor Setar. Hasil temu bual yang dijalankan akan dianalisis dan diterjemahkan dalam bentuk tulisan di dalam bab ini. Seterusnya, di dalam bab IV ini juga menyatakan tentang analisis penglibatan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan warisan bagi memelihara dan memulihara Istana Balai Besar, Alor Setar menggunakan Teori Fungsionalisme (Talcott Parsons,1937) yang terdapat pada bahagian kerangka teoritikal di dalam bab II. Hasil analisis Teori Fungsionalisme di dalam bab IV ini menunjukkan bahawa kajian berjaya dilakukan kerana pengkaji dapat mencapai objektif kajian dan

dapat mengetahui penglibatan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan warisan Istana Balai Besar Alor Setar.

Bab V merupakan bab terakhir di dalam kajian ini dimana ia menghuraikan rumusan terhadap setiap bab yang telah dilakukan. Rumusan yang dilakukan di dalam bab ini hanya merupakan rumusan yang ringkas tetapi padat dan jelas. Rumusan ringkas yang dilakukan di dalam bab ini hanya menumpukan kepada kata kunci yang penting bagi setiap bab sahaja. Selain itu, rumusan – rumusan yang dilakukan di dalam bab ini juga dapat menunjukkan perbezaan fokus setiap bab. Bab V merupakan bab yang penting untuk menyimpulkan keseluruhan kajian.

## 5.2 PENUTUP

Secara keseluruhannya, Istana Balai Besar Alor Setar merupakan salah satu warisan senibina di bandar Alor Setar yang amat penting. Hal ini adalah kerana, Istana Balai Besar ini merupakan identiti sejarah pemerintahan yang berlaku di negeri Kedah. Sejarah pembinaan Istana Balai Besar Alor Setar ini telah menyebabkan bangunan tersebut mempunyai nilai yang amat tinggi. Bangunan Istana Balai Besar ini juga telah banyak menyumbang di dalam pemerintahan negeri Kedah dengan menjadi tempat untuk menjalankan pelbagai urusan diraja. Oleh itu, wajarlah sekiranya tindakan pengurusan warisan dijalankan terhadap bangunan Istana Balai Besar Alor Setar ini bagi memastikan bangunan ini terus kekal di bandar tersebut.

Selain itu, kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual bagi mengumpul maklumat daripada 4 orang responden terlibat yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang mempunyai latar belakang demografi yang berbeza. Kesemua responden yang ditemu bual memberikan kerjasama yang amat baik ketika proses ini dijalankan. Kajian ini juga menggunakan Teori Fungsionalisme (Talcott

Parsons, 1937) bagi mengetahui sejauhmanakah penglibatan pihak bertanggungjawab di dalam pengurusan warisan di Istana Balai Besar Alor Setar.

Akhir sekali, tujuan kajian dilaksanakan adalah untuk mengetahui tentang sejauhmanakah pengurusan warisan yang telah dijalankan terhadap bangunan senibina Istana Balai Besar Alor Setar. Berdasarkan kajian yang dijalankan, dapat dilihat bahawa pihak bertanggungjawab mempunyai pengetahuan yang tinggi berkenaan sejarah dan fungsi Istana Balai Besar ini. Namun begitu, bagi aspek pengurusan warisan dilihat bahawa pihak bertanggungjawab agak kurang terlibat kerana mendapat halangan. Oleh itu, melalui kajian ini dapat dinyatakan bahawa pihak bertanggungjawab sedar akan aktiviti pengurusan warisan di Istana Balai Besar Alor Setar tetapi masih mempunyai kelemahan bagi melaksanakannya.

## RUJUKAN

Abdul Rahman Mat (2020). *Balai Besar Dalam Lipatan Sejarah 1726 – 2018*.

Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. Kedah. P.2 – 20 & 37 – 42

Ibrahim Kamoo (2020). *Pemuliharaan Warisan : Kita Terlatih Tapi Tak Terdidik* .

Berita                      Harian                      Online.                      Diambil                      daripada

<https://www.bharian.com.my/amp/rencana/muka10/2020/01/648583/pemulihan-warisan-kita-terlatih-tapi-tak-terdidik>

Utusan Malaysia (2017). *Kurang Peka Punca Warisan Negara Dilupakan*. 5. Diambil daripada

[https://pspk.upm.edu.my/akhbar/kurang\\_peka\\_punca\\_warisan\\_negara\\_dilupakan-256?L=en](https://pspk.upm.edu.my/akhbar/kurang_peka_punca_warisan_negara_dilupakan-256?L=en)

Zainuddin Baco (2018). *Cabaran Pengurusan Warisan Bina Bandar di Bandaraya Kota Kinabalu (1881-2012)*. Universiti Malaysia Sabah. Diambil daripada

<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/article/view/1618/1052>

Jabatan Warisan Negara (2012). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*.

Diambil daripada <https://khairulhkamarudin.files.wordpress.com/2013/04/garis-panduan-pemuliharaan-bangunan-warisan.pdf>

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2018). *Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia. diambil daripada <http://journalarticle.ukm.my/13129/>

Shahrul Yani Said, Hasnizan Aksah & Elma Dewiyana Ismail (2013). *Heritage Conservation and Regeneration of Historic Areas in Malaysia*. Universiti Teknologi Mara.

Diambil

daripada

[https://www.researchgate.net/publication/259524927\\_Heritage\\_Conservation\\_and\\_Regeneration\\_of\\_Historic\\_Areas\\_in\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/259524927_Heritage_Conservation_and_Regeneration_of_Historic_Areas_in_Malaysia)

Mohd Fadzil Razali, Badrul Redzuan Abu Hassan & Roslinda Abdul Latif (2016).

*Pemuliharaan Warisan Terpinggir : Menanggap Peranan Medium Sinema*. Universiti Kebangsaan Malaysia & Taylor's University. Diambil daripada

<https://www.researchgate.net/publication/305442580 PEMULIHARAAN WARISAN TERPINGGIR MENANGGAP PERANAN MEDIUM SINEMA>

Rohayu Roddin, Yusmarwati Yusof, Marina Ibrahim Mukhtar, Halizah Awang, Farah

Diyana Abu Bakar, Tun Ili Ayuni Ahmad Hariri (2019). *Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Budaya Komuniti Orang Asli Melalui Pelancongan Lestari*. Universiti

Tun Hussein Onn Malaysia . Diambil daripada

<https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&url=https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdp/article/download/6838/2780/&ved=2ahUKEwiqq-e6ypj2AhXyFLcAHWziCsoQFnoECAcQAQ&usg=AOvVaw3GhXw6CUmtGboFwQtEfDVM>

M.Albertrand Jusendo Arfan (2021). *Teori Fungsionalisme*. Universitas Ekaakti.

Diambil daripada

[https://www.researchgate.net/publication/349489352\\_TEORI\\_FUNGSIONALISME\\_ANTRONOPOLOGI\\_HUKUM](https://www.researchgate.net/publication/349489352_TEORI_FUNGSIONALISME_ANTRONOPOLOGI_HUKUM)

John Gaber (2019). *Building “A Ladder of Citizen Participation”: Sherry Arnstein, Citizen Participation, and Model Cities*. *Journal of the American Planning Association* 85(5):1-14.

Diambil

daripada

[https://www.researchgate.net/publication/334078940\\_Building\\_A\\_Ladder\\_of\\_Citizen\\_Participation\\_Sherry\\_Arnstein\\_Citizen\\_Participation\\_and\\_Model\\_Cities](https://www.researchgate.net/publication/334078940_Building_A_Ladder_of_Citizen_Participation_Sherry_Arnstein_Citizen_Participation_and_Model_Cities)

Dr. Siti Norlizaiha Harun (2005). *Perkembangan Sejarah Danpengaruh Ke Atas Senibina Dimalaysia: Sebuah Tinjauan Ringkas*. Universiti Teknologi Mara. diambil daripada [https://www.academia.edu/6035467/Sejarah\\_dan\\_Pengaruh\\_Senibina](https://www.academia.edu/6035467/Sejarah_dan_Pengaruh_Senibina)

Noor Hanita Abdul Majid, Husna Munirah Ahmad Kamil , Abu Dzar Samsudin & Maisarah Ali (2019). *Exploring The Influence Of Architectural Elements Of Balai Besar Kedah On The Malay Traditional Architecture*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Diambil daripada <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/viewFile/34916/9773>

Heriyanto (2018). *Thematic Analysis sebagai Metode Menganalisa Data untuk Penelitian Kualitatif*. Universitas Diponegoro. Diambil daripada [https://www.researchgate.net/publication/331402314\\_Thematic\\_Analysis\\_sebagai\\_Metode\\_Menganalisa\\_Data Untuk Penelitian\\_Kualitatif](https://www.researchgate.net/publication/331402314_Thematic_Analysis_sebagai_Metode_Menganalisa_Data Untuk Penelitian_Kualitatif)

Rosseni Din, Mazalah Ahmad, M.Faisal Kz, Norhaslinda Mohamad Sidek, Aidah Abdul Karim, Nur Ayu Johar, Kamaruzaman Jusoff, Mohamad Shanudin Zakaria, Khairul Anwar Mastor4 & Siti Rahayah Ariffin (2009). *Kesahan Dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Gaya E-Pembelajaran (Else) Versi 8.1 Menggunakan Model Pengukuran Rasch*. Universiti Kebangsaan Malaysia . Diambil daripada <http://journalarticle.ukm.my/1930/>

## LAMPIRAN A

### TRANSKRIP TEMUBUAL

#### INFORMAN 1

Tarikh Interview: 10 November 2021

Durasi Interview: 38 Minit

Lokasi: Panggilan Video Whatapps

Nama	Puan Rahimah binti Mat
Umur	49 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Penolong Kurator
A	Assalamualaikum, puan?
B	Ha ya saya, kamu nama apa tak tau?
A	Saya Nur Izzati binti Ramli.
B	Ok. Ni nak panggil Izzati ka?
A	Ya puan, panggil Izzati. Terima kasih puan sebab sudi terima saya untuk ditemu bual. Kalau macam tu, sebelum kita mulakan temu bual boleh tak kalau puan perkenalkan diri puan?
B	Ok, nama saya Rahimah binti Mat, saya bertugas sebagai penolong kurator di Muzium Negeri Kedah sekarang bertugas di unit konservasi Muzium Diraja dan umur 49 tahun.
A	Ok. Kita teruskan dengan sesi temu bual kita ya puan. Soalan temu bual saya ada 15 soalan.
B	Ok.
A	Ok, Soalan pertama saya...adakah puan mengetahui tentang sejarah pembinaan Istana Balai Besar Alor Setar?
B	Sejarah Balai Besar ya...sejarah Balai Besar ni berkait rapat dengan pembukaan Alor Setar sebagai Pusat Pemerintahan negeri Kedah. Balai Besar ni digunakan sebagai Balai Penghadapan. Balai Besar ni, dia dibina pada tahun pemerintahan Sultan Mu'adzam Shah jadi pada 31 Disember 1735 tu Balai Besar memang dah dibina. Jadi kita ambil tarikh tu untuk tarikh pembinaan Balai Besar yang Asal. Kalau nak ikutkan sejarah yang panjang ni, Balai Besar yang sekarang ni dah melalui banyak proses penambahan dan baik pulih.
A	Ok. Soalan kedua saya, mengapa Istana Balai Besar Alor Setar ini dibina?
B	Balai Besar ni, dia bukan sebuah istana. Dia lebih berfungsi sebagai Balai Penghadapan yang dibalakangnya terdapat istana jadi raja takkan buat perjumpaan dengan pembesar dan rakyat dekat istana dia tapi berjumpa dekat Balai Penhadapan ni la. Balai Penghadapan ni di sebuah

	bangunan takdak dinding, kosong dan lapang macam tu la. Selain daripada jadi tempat dia berjumpa, disitu juga ada buat aktiviti atau majlis – majlis macam berkhatan, berinai dan perkhawinan yang berlangsung berkaitan dengan kerabat diraja.
A	Soalan ketiga pula, bilakah Istana Balai Besar Alor Setar ini dibina?
B	Sejarah pembinaaan Balai Besar ni hampir sama dengan Istana Pelamin. Tahun pembinaannya kurang pasti tapi Balai Besar ni memang dah ada pada tahun 1735.
A	Ok. Soalan keempat, Istana Balai Besar Alor Setar merupakan binaan bangunan yang telah dibina semula, apakah struktur binaan ini telah berubah atau masih mengekalkan bentuk binaan asal?
B	Aaa...kalau ikut tu, yang asal tu keseluruhannya dari melayu la sebab masa pembinaan awal tu kayu – kayu yang digunakan tu adalah diambil daripada kawasan – kawasan yang berdekatan macam kawasan Gunung Jerai macam tu la. Kayu – kayu yang bermutu dari hutan – hutan di Alor Setar la tapi disebabkan dah pernah beberapa kali diserang, yang pertama Bugis pernah serang 2 kali dan sekali lagi pernah diserang oleh angkatan tentera Siam. Yang angkatan tentera Siam ni merupakan yang paling teruk kerosakan jadi Balai Besar ni dalam 20 tahun dari tahun 1821 hingga 1841 ni terbiar macam tu saja la tapi masa 1841 tu bila Siam serah balik negeri Kedah ni Sultan takdak di Kedah jadi pembesar – pembesar panggil balik Sultan dan mereka perbaik balik la Balai Besar ni jadi dia tak macam rupa yang sekarang la ada bumbung genting. Pada tahun 1856, Sultan baiki Istana yang terdapat di Belakang Balai Besar dan juga membuat sedikit perubahan di depan Balai Besar sampai tahun 1904 masa nak buat perkhawinan petera dan puteri Sultan Abdul Hamid terdapat sedikit pembaikan di Balai Besar. Jadi kalau ikutkan binaan asal, Balai Besar ni takdak bahagian kiri dan kanan tapi ia dah dibina pada tahun 1900 berapa saya kurang pasti sebab masa belum ada pejabat – pejabat kerajaan macam sekarang jadi mesyuarat exco, wakil – wakil rakyat ni dilakukan di Balai Besar ni la. Jadi mereka buat penambahan bahagian kiri dan kanan ni tujuan utama dia yang tu la.
A	Soalan kelima, apakah pengaruh yang terdapat dalam binaan Istana Balai Besar Alor Setar ini?
B	Pengaruh, pengaruh nak kata melayu semua pun tak boleh juga jadi kita boleh kata pengaruh Nusantara la. Pengaruh islam dia ada sikit, pengaruh melayu pun ada, pengaruh Siam pun ada sikit – sikit tapi unsur – unsur yang ada ni berkaitan dengan alam semulajadi la macam hiasan – hiasan dan ukiran – ukiran macam daun kangkung, bunga teratai dan bunga teliput sebab dulu bunga teliput ni banyak di negeri Kedah sampai dulu pernah jadi sebagai bunga kebangsaan negeri Kedah. Bagi unsur – unsur bumbung tu saya tak berapa pandai sangat tapi saya boleh bagi la dia punya jenis – jenis bumbung yang ada hiasan bintang La Dawandi tu..itu memang pengaruh Siam la.
A	Ok. Untuk soalan keenam pula, Adakah Istana Balai Besar, Alor Setar pernah menjalani pemuliharaan? Siapakah yang terlibat dalam pemuliharaan ini?
B	Okey. Yang last sekali buat pemuliharaan kalau tak silap saya pada tahun 2000. Masa tu buat sekali dengan Muzium Diraja atau Istana Pelamin dan ia ambil masa jugak dalam beberapa tahun sebab dia ada

	masalah dari segi nak dapatkan kayu – kayu yang sama macam kayu asal dan itu yang melambatkan proses baik pulih tu. Yang tu kita tak buat sendiri, kita kerajaan negeri minta bantuan dari masa tu Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia yang sekarang dah tukar jadi Jabatan Muzium Malaysia jadi kepakaran mereka memang ada pegawai yang mahir dalam bahagian baik pulih bangunan jadi kita serahkan kat mereka untuk buat konservasi bangunan Balai Besar ni la. Jadi sejak tu tak pernah buat dah aktiviti pemuliharaan ni. Saya rasa siap dalam tahun 2005 juga la sebab ambil masa juga untuk dapatkan kayu – kayu yang sama dan bumbungnya pun bukan bumbung biasa. Jadi masalah – masalah macam tu lah yang melambatkan proses ni.
A	Ok. Untuk soalan seterusnya, soalan ketujuh mengenai fungsi Istana Balai Besar Alor Setar ni. Apakah fungsi terkini Istana Balai Besar Alor Setar?
B	Fungsi dia macam yang saya sebut tadi. Yang pertama sebagai Balai Penghadapan... atau orang kata Balai Rung Seri. Fungsi dia untuk sultan bermesyarat atau bertemu dengan pembesar dan rakyat jelata atau wakil – wakil rakyat la. Satu lagi, fungsi dia sebagai tempat menjalankan majlis – majlis yang melibatkan majlis diraja la macam perkhawinan diraja, berinai dan tempat persiapan bunga mas.
A	Untuk soalan kelapan pula, adakah perubahan fungsi bangunan ini berpotensi membawa manfaat kepada masyarakat setempat?
B	Umm... sekarang ni dia lebih berfungsi untuk acara – acara rasmi dan sebagai tarikan pelancongan la. Walaupun tak boleh melawat apa tapi kalau orang mai lalu menjadi rentak la sebab kedudukan dia ditengah – tengah bandar Alor Setar la sebab dekat situ ada Masjid Zahir, ada Balai Seni, ada Muzium Diraja jadi dia pun jadi salah satu tarikan pelancongan untuk ke Alor Setar la. Jadi kalau orang tengok gambar pun orang tau la ini di Kedah.
A	Haa...ok faham. Bagi soalan kesembilan pula, kenapa fungsi Istana Balai Besar Alor Setar ini telah berubah pada masa kini?
B	Ok..fungsi dia berubah sebab peredaran masa peredaran zaman la macam kalau dia sebagai sebuah muzium kurang sesuai sebab dia terbuka dan tiada dinding lepas tu lagi satu sebab macam dulu buat tempat persidangan exco – exco masa tu saiz dia mungkin kecil tapi sekarang saiz bilangan exco – exco dah besar jadi memang tak sesuai dengan keluasan bangunan dan lagi satu bangunan ni dia dah jadi macam satu bangunan warisan jadi tak boleh ada sangat kekerapan kita guna bangunan ni sambut orang ka memang tak sesuai dah jadi kita ambil langkah berhati – hati untuk pulihara dia sebab di Alor Setar bangunan warisan dia kalau dah hilang memang takdak daya tarikan dah la sebab tu la fungsi dia dah berubah.
A	Ok. Untuk soalan yang kesepuluh pula, Istana Balai Besar Alor Setar merupakan sebuah senibina warisan yang amat penting. Oleh itu, adakah pihak muzium terlibat dalam pengurusan Istana Balai Besar Alor Setar ini? Adakah pihak puan terlibat dalam pengurusan Istana Balai Besar?
B	Haa...kami pihak muzium masa yang dulu la. masa tahun 2000 ada terlibat dari segi membantu pihak negeri untuk panggil Jabatan Muzium dan Antikuiti masa tu untuk mai buat konservasi. Lagi satu Balai Besar bukan dibawah bidang kuasa Muzium Kedah dia dibawah Pejabat

	Tuanku Sultan jadi kita akan membantu jika diminta saja. Balai Besar memang dibawah pentadbiran Pejabat tuanku sultan Kedah. Kita akan masuk jika diminta sahaja.
A	Haa...ok. Untuk soalan kesebelas pula, apakah usaha pengurusan warisan yang telah dilakukan oleh pihak puan untuk memelihara dan memulihara senibina warisan ini?
B	Kami buat masa sekarang ni kalau diminta kita hanya bagi dalam bentuk nasihat, tunjuk ajar macam tu la sebab macam saya kata tadi bukan dibawah bidang kuasa kami jaga Balai Besar ni kan tapi kalau kata macam dulu memang walaupun dibawah Jabatan Tuanku Sultan contohnya macam kes konservasi sebelum ni memang minta bantuan daripada muzium dan muzium la yang akan urus tapi sekarang ni dah ada Jabatan Warisan jadi muzium dah tak buat konservasi bangunan yang besar – besar dan kalau tanya muzium..muzium akan rujuk Jabatan warisan la dan Jabatan Warisan la yang akan jalankan aktiviti konservasi jika diminta oleh kerajaan negeri. Muzium hanya boleh jadi perantara sahaja.
A	Haa...faham. Bagi solan kedua belas pula, Adakah pihak anda akan terus melakukan tindakan pengurusan ini untuk masa yang akan datang?
B	Aaa...kita kalau tindakan pengurusan kita tak buat la kan sebab macam saya cakap tadi memang bukan dibawah pentadbiran muzium jadi kita hanya boleh bantu bagi nasihat dan tunjuk ajar dan juga misalnya ada pengkaji macam izzati yang minta untuk temuramah atau kajian kita akan bantu macam tu sahaja. Sebab Pejabat Tuanku Sultan mereka memang tak ada orang yang untuk bahagian ni memang mereka akan suruh rujuk muzium. Setakat itu jala bantuan kita.
A	Ok. Untuk soalan ketiga belas, apakah tindakan pengurusan warisan ini akan berubah kerana dipengaruhi oleh faktor kemajuan dan pembangunan negara?
B	Haa...ok. Soalan dia macam tadi la kan kalau kita tengok saya ada terang perubahan fungsi disebabkan peredaran masa jadi macam tu jugak untuk pengurusan tapi saya tak boleh nak jelaskan la sebab bukan bawah kuasa pihak muzium kecuali kalau kerajaan negeri berhasrat serahkan pentadbiran Balai Besar kepada pihak muzium baru kita boleh rancang nak buat hala tuju baru untuk dia.nak buka untuk lawatan ka.nak buat pameran ka apa ka aktiviti – aktiviti macam tu la. Kalau sekarang ni saya tak boleh nak terangkan tentang apa – apa perancangan...itu terpulang pada kerajaan negeri.
A	Untuk soalan keempat belas pada pendapat puan, selain daripada pihak puan pihak manakah yang harus memainkan peranan dalam aktiviti pengurusan bagi memelihara dan memulihara senibina warisan ini?
B	Ok, sekarang ni kalau ikut pihak yang bertepatan adalah pihak Kerajaan Kedah la perlu memainkan peranan sebagai warisan ni warisan yang besar dan kalau hilang memang hilang la identiti. Satu lagi kerjasama dengan agensi – agensi yang berkaitan seperti Jabatan Warisan Negara untuk aktiviti konservasi apa lagi melibatkan bangunan daripada kayu. Yang penting memang kerjasama la antara Kerajaan Negeri dengan Jabatan Warisan. Itu la...peranan terpenting adalah dari Kerajaan negeri la sebab kami pun sebagai salah satu jabatan di peringkat negeri segala bajet adalah dari kerajaan negeri.

A	Ok puan. Untuk soalan terakhir. Adakah pihak lain seperti NGO dan komuniti setempat perlu dilibatkan dalam aktiviti pemuliharaan ini?
B	Haa...aktiviti pemuliharaan ini macam saya cakap tadi memang perlukan kerjasama pihak NGO tapi dari segi pengetahuan masyarakat tu saya lihat mereka kurang faham. Masyarakat ni selalu kalau jumpa bangunan warisan yang dan usang selalu cakap muzium tak jalankan tanggungjawab..mereka patut tau kami perlu cari dulu pemilik bangunan tu sebab kita tak boleh nak buat macam tu ja takut nanti dianggap menceroboh sebab tu kadang – kadang kita tak pi buat proses pemuliharaan tu..kita perlu kenalpasti dulu siapa pemilik dia dan kalau kita dah dapat kebenaran baru kita boleh jalankan aktiviti pemuliharaan tu jadi kat situ la kita perlukan bantuan NGO kalau tak boleh dari segi kewangan boleh bagi dari segi tenaga atau nasihat. Masyarakat juga perlu peka dan mempunyai pengetahuan ketika melawat bangunan warisan ni supaya tak rosakkan bangunan tersebut.
A	Haa...ok puan itu sahaja soalan yang ingin saya ajukan. Terima kasih sangat – sangat puan.
B	Ok... kalau perlukan apa – apa lagi boleh whatapps saya nanti saya emailkan kepada kamu. Kamu cuma bagi senarai apa yang kamu perlu nanti saya emailkan.
A	Ok puan. Nanti kalau saya perlukan apa – apa saya whatapps puan. Terima kasih sangat – sangat puan. Assalamualaikum.
B	Ok. terima kasih, waalaikumusalam (Left)

## INFORMAN 2

Tarikh Interview: 2 Disember 2021

Durasi Interview: 15 Minit

Lokasi: Panggilan suara telefon

Nama	Encik Ardi Ismira
Umur	43 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Pengarah Jabatan Warisan Negara Zon Utara
A	Assalamualaikum encik. Saya Nur Izzati pelajar dari Universiti Malaysia Kelantan yang telah email encik untuk jalankan temu bual berkaitan dengan Istana Balai Besar Alor Setar?
B	Waalaikumusalam. Haa ok.
A	Ok. Saya teruskan dengan sesi temu bual kita ya encik.
B	Ok.
A	Ok, Soalan pertama saya...adakah encik mengetahui tentang sejarah pembinaan Istana Balai Besar Alor Setar?
B	Yaa, saya memang sedia maklum tentang bangunan Balai Besar Alor Setar ni tapi saja hanya boleh bagi sedikit sebanyak maklumat yang saya tahu sahaja sebab bangunan ni bukan dibawah Jabatan Warisan Negara. Ok.. bagi Sejarah Balai Besar ni...dia sebenarnya salah satu bangunan pemerintahan di Alor Setar yang dibina ketika awal pembukaan Alor Setar pada tahun 1735. Balai Besar Alor Setar ni merupakan bangunan yang banyak alami perubahan, baik pulih dan pembinaan semula kerana kerosakkan. Bangunan ni dibina semula pada tahun 1896. Soalan seterusnya?
A	Ok. Soalan seterusnya, mengapa Istana Balai Besar Alor Setar ini dibina?
B	Istana Balai Besar Alor Setar ni dibina sebab pada masa tu pusat pemerintahan negeri Kedah telah berubah dari Kota Setar ke Alor Setar jadi sultan yang mentadbir ketika itu pun mengarahkan untuk Balai Besar ini dibina sebagai tempat beliau menjalankan pemerintahannya.
A	Ok. Soalan ketiga pula, bilakah Istana Balai Besar Alor Setar ini dibina?
B	Mengikut sejarah yang saya ketahui...bangunan Balai Besar Alor Setar ini memang telah siap dibina pada akhir tahun 1735. Bagi tahun permulaan pembinaan bangunan ini saya tak dapat nak bagi tahu cik sebab saya pun tak berapa pasti.
A	Soalan keempat, Istana Balai Besar Alor Setar merupakan binaan bangunan yang telah dibina semula, apakah struktur binaan ini telah berubah atau masih mengekalkan bentuk binaan asal?
B	Mengikut pembacaan dan pengetahuan saya, struktur binaan Balai Besar Alor Setar ini jika berdasarkan binaan asal, ia dibuat menggunakan kayu secara keseluruhan kerana kayu mudah didapati di sekitar kawasan

	tersebut tapi sebab dah banyak kali kena serang dengan Bugis dan Siam bangunan ni dibina semula selepas berapa lama musnah dan ditiinggalkan. Dalam binaan semula bangunan ni ada perubahan dan penambahan yang berlaku macam berubah menggunakan atap genting dan juga bangunan ni ada ruang bahagian kiri dan kanan yang pada binaan asal tak ada. Binaan bangunan ni dikatakan ada pengaruh Nusantara dan ukiran yang ada dekat binaan ni juga berunsurkan alam semulajadi.
A	Bagi soalan kelima, apakah pengaruh yang terdapat dalam binaan Istana Balai Besar Alor Setar ini?
B	Berdasarkan pengetahuan saya, pengaruh yang terdapat dalam binaan Balai Besar Alor Setar ini adalah pengaruh nusantara iaitu pengaruh Islam, Melayu dan Siam.
A	Seterusnya, soalan keenam. Adakah Istana Balai Besar, Alor Setar pernah menjalani pemuliharaan? Siapakah yang terlibat dalam pemuliharaan ini?
B	Bagi soalan ni saya tak dapat nak jelaskan dengan teliti tapi yang saya tahu Balai Besar ini pernah menjalani aktiviti pemuliharaan yang dijalankan oleh kerajaan negeri dan Muzium Negeri Kedah pada tahun 2005.
A	Soalan seterusnya, soalan ketujuh mengenai fungsi Istana Balai Besar Alor Setar ni. Apakah fungsi terkini Istana Balai Besar Alor Setar?
B	Saya pernah baca maklumat berkaitan dengan fungsi Balai Besar jadi dari situ saya simpulkan bahawa fungsi Balai Besar ini sedikit berubah kerana dulu bangunan ni digunakan sebagai balai penghadapan, balai pentadbiran kerajaan negeri Kedah dan juga sebagai tempat menjalankan upacara rasmi diraja tapi sekarang Balai Besar hanya berfungsi untuk melakukan upacara rasmi diraja dan sebagai bangunan pelancongan kerana pemerintahan negeri Kedah sekarang dilakukan di Istana Anak Bukit.
A	Untuk soalan kelapan pula, adakah perubahan fungsi bangunan ini berpotensi membawa manfaat kepada masyarakat setempat?
B	Pada pendapat saya, perubahan fungsi bangunan ini ada memberi sedikit manfaat kepada masyarakat sebab kalau kita tengok sekarang disebabkan dah tiada aktiviti pemerintahan dekat situ jadi masyarakat yang berkunjung ke Alor Setar dapat mengunjungi kawasan Balai Besar secara berleluasa walaupun tak dapat masuk. Kebebasan kedatangan pengunjung dapat membantu para pengunjung yang datang ke Balai Besar untuk tujuan pengajian mendapat maklumat.
A	Haa...ok faham. Bagi soalan kesembilan pula, kenapa fungsi Istana Balai Besar Alor Setar ini telah berubah pada masa kini?
B	Ok. Kalau ikutkan fahaman saya, fungsi Balai Besar ni berubah sebab peredaran. Bangunan Balai Besar ni kalau kita nak buat tempat untuk memerintah dan bermesyuarat Nampak macam tak sesuai sebab ia berada di tempat umum dan hanya sesuai untuk melangsungkan upacara rasmi sebab bangunan ini mempunyai keluasan yang sesuai.
A	Untuk soalan yang kesepuluh pula, Istana Balai Besar Alor Setar merupakan sebuah senibina warisan yang amat penting. Oleh itu, adakah pihak JWN terlibat dalam pengurusan Istana Balai Besar Alor Setar ini? Adakah pihak tuan terlibat dalam pengurusan Istana Balai Besar?

B	Memandangkan Balai Besar ini belum diwartakan dibawah Jabatan Warisan Negara jadi ia bukan tanggungjawab pihak Jabatan Warisan sepenuhnya sebab Jabatan Warisan Negara hanya bekerjasama untuk memelihara bangunan yang diwartakan jadi kita tak boleh ambil peranan memelihara bangunan tersebut.
A	Untuk soalan kesebelas pula, apakah usaha pengurusan warisan yang telah dilakukan oleh pihak puan untuk memelihara dan memulihara senibina warisan ini?
B	Berdasarkan soalan ni...ya kita telah membuat permohonan kepada kerajaan negeri tetapi sampai sekarang masih belum diberikan keizinan jadi sampai sekarang ia belum diwartakan. Bagi memulihara dan memelihara pun kita tak dapat jalankan melainkan ia dilakukan oleh pihak lembaga muzium sendiri.
A	Bagi soalan kedua belas pula. Adakah pihak anda akan terus melakukan tindakan pengurusan ini untuk masa yang akan datang?
B	Bagi soalan kedua belas ni, adakah pihak kami akan terus lakukan tindakan pengurusan untuk masa akan datang Nampak gayanya jawapannya adalah tidak melainkan kita ambil keputusan untuk sentiasa meminta keizinan pada pihak berkuasa negeri dari semasa ke semasa.
A	Ok. Untuk soalan ketiga belas, apakah tindakan pengurusan warisan ini akan berubah kerana dipengaruhi oleh faktor kemajuan dan pembangunan negara?
B	Untuk soalan ni saya rasa tak sesuai kot untuk saya jawab ka awak nak saya jawab juga?
A	Kalau boleh...encik boleh cuba jawab tak ?
B	Ok. Nampak gaya ia akan berubah juga tapi daripada Istana kepada Muzium tu merupakan satu perubahan dan untuk akan datang kita tak tahu lagi apa rancangan dari pihak pemilik sama ada ia akan menukar ia kepada fungsi yang lain ataupun tidak itu kita tidak pasti. Jadi maksudnya kat situ kemungkinan ya dan kemungkinan tidak.
A	Untuk soalan keempat belas pada pendapat tuan, selain daripada pihak tuan pihak manakah yang harus memainkan peranan dalam aktiviti pengurusan bagi memelihara dan memulihara senibina warisan ini?
B	Ok. Kalau daripada segi pemeliharaan bangunan warisan yang telah diwartakan kita lebih tekankan kepada 3 agensi...pertama agensi daripada Jabatan Warisan dimana berkaitan dengan proses pewartaan dan setelah diwartakan pihak agensi negeri juga berperanan untuk memuliharaan bangunan tersebut. Bagaimana pihak agensi negeri bagaimana mereka nak memulihara bangunan tersebut yang pertama apa – apa aktiviti pembangunan di kawasan tersebut perlu dirujuk kepada Jabatan Warisan Negara...ini saya tekankan setelah bangunan diwartakan ye. Seterusnya ialah pihak individu atau pihak pemilik bangunan tersebut. Jadi kat sini dari segi pemuliharaan apabila tidak diwartakan ia tidak ditanggung oleh pihak Jabatan Warisan kecuali untuk kerajaan negeri dan pemilik.
A	Ok...soalan terakhir. Adakah pihak lain seperti NGO dan komuniti setempat perlu dilibatkan dalam aktiviti pemuliharaan ini?
B	Ok. Ini adalah soalan yang sangat umum tapi sangat baik. Untuk pemuliharaan bangunan warisan kita memerlukan kerjasama daripada semua pihak sama ada daripada pihak kerajaan negeri, pihak komuniti

	mahupun pihak pemilik itu sendiri sama ada untuk sama – sama jaga bangunan tersebut mahupun bersama – sama memeriahkan bangunan tersebut. Ok itu sahaja soalannya?
A	Yaa...itu sahaja soalan daripada saya.
B	Ok... kalau nak apa – apa lagi nanti boleh email saya.
A	Ok, encik. Nanti kalau saya perlukan apa – apa saya email. Terima kasih sangat – sangat encik. Assalamualaikum.
B	Ok, sama - sama, waalaikumusalam (Left)

### INFORMAN 3

Tarikh Interview: 24 Disember 2021

Durasi Interview: 12 Minit

Lokasi: Panggilan suara Whatapps

Nama	Dr Mohd Faisal bin Mustaffa
Umur	42 tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.

INTERVIEW TRANSKRIP	
A	Assalamualaikum, encik faisal. Saya Izzati yang Whatapps encik untuk temu bual hari tu.
B	Ya...saya ingin. Kamu student Universiti Malaysia Kelantan kan? Kamu ambil kos apa ni?
A	Ya...encik saya pelajar UMK. Saya ambil kos pengajian warisan.
B	Jadi kamu hari ni nak temu bual saya untuk bangunan Balai Besar Alor Setar ni untuk assignment la kan? Insyaallah saya tolong apa yang boleh saya tolong sebab saya kurang tahu sangat berkaitan Balai Besar ni...sikit – sikit boleh la.
A	Ya encik... untuk assignment. Kalau macam tu boleh la kita mula temu bual ni...
B	Ya, boleh. Silakan.
A	Soalan pertama saya, adakah encik mengetahui tentang sejarah pembinaan Istana Balai Besar Alor Setar?
B	Saya ni berasal dari Kedah...anak jati Kedah jadi sedikit sebanyak tu saya tau la pasal sejarah Balai Besar Alor Setar ni. Balai Besar Alor Setar ni...dia bangunan kebanggaan rakyat Kedah. Bangunan ni mula – mula Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II bina dulu pada tahun 1710 dan siap pada tahun 1735 dan terus digunakan. . Balai Besar ni dia sebagai Balairung Seri atau Balai Penghadapan dan

	digunakan untuk upacara rasmi diraja dan kerajaan.
A	Ok...soalan seterusnya, mengapa Istana Balai Besar Alor Setar ini dibina?
B	Balai Besar Alor Setar ni dibina sebab waktu tu Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II nak pindahkan pusat pemerintahan negeri Kedah dari Kota Setar ke Alor Setar.
A	Soalan ketiga pula, bilakah Istana Balai Besar Alor Setar ini dibina?
B	Macam yang saya bagi tau tadi bangunan Balai Besar ni dibina pada tahun 1710 dan siap pada 1735.
A	Ok...soalan yang keempat pula encik, Istana Balai Besar Alor Setar merupakan binaan bangunan yang telah dibina semula, apakah struktur binaan ini telah berubah atau masih mengekalkan bentuk binaan asal?
B	Binaan Balai Besar dikatakan tak berubah pun cuma ada perubahan pada bahan dan juga beberapa penambahan. Bangunan Balai Besar yang ni dia guna kayu cengal emas dan ada ukiran bewarna emas. Bangunan ni ada 42 tiang kayu dan selain tiang...lantai dan atap juga dari kayu. Binaan yang sekarang berbeza sebab kita juga guna simen dan besi. Ukiran binaan ini masih sama dan dikatakan bangunan ni ada pengaruh Nusantara.
A	Soalan kelima pula, apakah pengaruh yang terdapat dalam binaan Istana Balai Besar Alor Setar ini?
B	Yang saya tahu...bangunan ni ada pengaruh nusantara.
A	Bagi soalan keenam pula encik...adakah Istana Balai Besar, Alor Setar pernah menjalani pemuliharaan? Siapakah yang terlibat dalam pemuliharaan ini?
B	Saya tak dapat nak hurai lebih tapi saya ada tanya pegawai dari Muzium Negeri Kedah memang dia cakap mereka pernah lakukan aktiviti pemuliharaan ni pada tahun 2000 sampai 2005. Pegawai tu pun pernah cakap yang aktiviti pemuliharaan tu merupakan yang terakhir dilakukan di Balai Besar.
A	Untuk soalan ketujuh mengenai fungsi Istana Balai Besar Alor Setar ni. Apakah fungsi terkini Istana Balai Besar Alor Setar?
B	Balai Besar ni masa awal – awal buka dia dijadikan pusat pemerintahan dan merupakan Balairung yang digunakan untuk mesyuarat dan berbincangan oleh sultan dan para pembesar. Selain tu...Balai Besar ni juga dijadikan tempat untuk upacara rasmi diraja tapi sekarang hanya fungsi ni saja yang masih dilakukan.
A	Untuk soalan kelapan pula, adakah perubahan fungsi bangunan ini berpotensi membawa manfaat kepada masyarakat setempat?
B	Berubahnya fungsi Balai Besar ni...kalau kita tengok banyak bagi manfaat untuk rakyat sebab dengan kurang fungsi atau aktiviti yang dilakukan di bangunan ini membolehkan ia dijadikan sebagai tempat tarikan pelancongan yang dapat membantu rakyat setempat mendapat ilmu pengetahuan dan juga sumber kewangan.
A	Haa...ok faham. Bagi soalan kesembilan pula, kenapa fungsi Istana Balai Besar Alor Setar ini telah berubah pada masa kini?
B	Kalau kita tengok keadaan Balai Besar Alor Setar yang sekarang ni memang tak sesuai nak guna untuk aktiviti pemerintahan sebab bangunan tu dah tak cukup luas nak tampung semua ahli – ahli yang terlibat. Kalau untuk upacara rasmi pula masih dilakukan sebab

	bangunan ni masih elok dan luasnya cukup untuk upacara – upacara tersebut.
A	Seterusnya soalan yang kesepuluh pula, Istana Balai Besar Alor Setar merupakan sebuah senibina warisan yang amat penting. Oleh itu, adakah pihak encik terlibat dalam pengurusan Istana Balai Besar Alor Setar ini? Adakah pihak tuan terlibat dalam pengurusan Istana Balai Besar?
B	Sampai sekarang kita memang tak ada buat apa – apa aktiviti pengurusan pun...tak ada tsatu pun kita terlibat sebab Balai Besar ni ada dibawah pentadbiran Kerajaan Negeri jadi kita kena ada keizinan dari mereka. Buat masa sekarang kita Cuma kumpul maklumat lepas tu kita sebarkan kepada umum. Selain tu juga kita pernah buat satu program untuk rakyat kenal kawasan bersejarah di Alor Setar yang dinamakan “Walking Distance”.
A	Untuk soalan kesebelas pula, apakah usaha pengurusan warisan yang telah dilakukan oleh pihak encik untuk memelihara dan memulihara senibina warisan ini?
B	Pihak Persatuan memang tak pernah buat apa –apa usaha pengurusan di Balai Besar sebab kami tak dapat keizinan. Kami sekarang hanya memperkenalkan Balai Besar kepada umum ja.
A	soalan kedua belas pula. Adakah pihak anda akan terus melakukan tindakan pengurusan ini untuk masa yang akan datang?
B	Kalau untuk meneruskan aktiviti pengurusan ni...pihak persatuan takkan teruskan kalau tak dibenarkan dan sebaliknya kalau dibenarkan. Perubahan aktiviti pengurusan ni bagi saya adalah bergantung kepada pihak kerajaan negeri.
A	Ok. Untuk soalan ketiga belas, apakah tindakan pengurusan warisan ini akan berubah kerana dipengaruhi oleh faktor kemajuan dan pembangunan negara?
B	Saya rasa tindakan pengurusan ni akan berubah kalau ikut kemajuan negara sebab kalau dah negara makin maju jadi mesti akan berlaku kemajuan di kawasan Balai Besar jadi pengurusan dia mungkin akan lebih ketat.
A	Soalan sterusnya, soalan keempat belas pada pendapat encik, selain daripada pihak encik pihak manakah yang harus memainkan peranan dalam aktiviti pengurusan bagi memelihara dan memulihara senibina warisan ini ?
B	Pada pendapat saya, pihak Muzium, pihak Jabatan Warisan Negara dan piha – piha lain yang berkaitan sejarah dan warisan perlu libatkan diri dalam aktiviti pengurusan ni tapi sebab kita memerlukan izin kerajaan Negeri jadi Kerajaan Negeri la yang paling penting dalam memainkan peranan ni.
A	Yang terakhir. Adakah pihak lain seperti NGO dan komuniti setempat perlu dilibatkan dalam aktiviti pemuliharaan ini?
B	Kalau bagi pihak kami pihak persatuan memang dialu – alukan la sebab kita tahu yang kos untuk menguruskan bangunan warisan ni tinggi jadi kalau ada kerjasama NGO dan komuniti dapat mudahkan urusan la. Pihak NGO mungkin dapat sumbang dari segi wang ringgit dan kalau komuniti ni pula mungkin dapat bantu sebarkan maklumat.
A	Ok...faham. baiklah Encik Faisal. Itu saja soalan dari saya. Terima kasih banyak sebab encik sudi luang masa walaupun encik sibuk sekarang ni.

B	Ok... tak dak apa la...saya bantu apa yang termampu ja..apa – apa nanti kalau perlukan maklumat lagi boleh la whatapps saya lepas tu jangan lupa jadi ahli persatuan.
A	Ok... baik – baik encik. Terima kasih encik.
B	Ok, sama – sama. (Left)

#### INFORMAN 4

Tarikh Interview: 28 Disember 2021

Durasi Interview: 15 Minit

Lokasi: Panggilan Telefon

Nama	Puan Siti Hajar Mahmud
Umur	40 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Penolong Pegawai Perpustakaan Awam Kedah

A	Assalamualaikum puan. Saya Nur Izzati pelajar dari Universiti Malaysia Kelantan. Saya yang nak temu bual puan tentang Istana Balai Besar Alor Setar?
B	Waalaikumusalam. Ya boleh.
A	Kita teruskan terus la dengan sesi temu bual kita ni ja puan.
B	Ok.
A	Soalan pertama saya...adakah puan mengetahui tentang sejarah pembinaan Istana Balai Besar Alor Setar?
B	Yaa, saya memang tahu tentang sejarah pembinaan bangunan Balai Besar ni tapi takdak la secara mendalam cukup tahu ja. Balai Besar ni dia satu bangunan bersejarah yang dah siap bina pada tahun 1735 dan dia adalah sebagai Balai Penghadapan bagi raja dan pembesar. Balai Besar ni juga digunakan untuk jalankan aktiviti rasmi diraja. Idea untuk membina Balai Besar ni adalah dari Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II.
A	Ok. Soalan dua, mengapa Istana Balai Besar Alor Setar ini dibina?
B	Istana Balai Besar Alor Setar ni dibina atas sebab pusat pemerintahan negeri Kedah yang telah berpindah ke Alor Setar jadi untuk tu ia dibina sebagai tempat untuk jalankan pemerintahan.
A	Seterusnya, Soalan ketiga. Bilakah Istana Balai Besar Alor Setar ini dibina?
B	Mengikut sejarah yang saya terang tadi, bangunan Balai Besar Alor Setar ni dah dibina pada tahun 1735.
A	Soalan keempat, Istana Balai Besar Alor Setar merupakan binaan bangunan yang telah dibina semula, apakah struktur binaan ini telah berubah atau masih mengelarkan bentuk binaan asal?

B	Bangunan Balai Besar Alor Setar ni dulu dibina menggunakan kayu ja...semua kayu dari tiang, lantai dan atap. Kayu cengal emas antara kayu yang digunakan dalam binaan bangunan ni sebab dia ada struktur yang kuat dan teguh. Bangunan ini juga ada diukir ukiran. Bagi pengaruh dalam struktur binaan ni ada pengaruh Siam dan Nusantara atau Jawa. Bangunan ni pernah musnah dan dah pun dibaiki dan sebabkan bangunan ni berbeza sikit dengan ada tambahan simen dan besi dalam bahan yang digunakan.
A	Bagi soalan lima pula, apakah pengaruh yang terdapat dalam binaan Istana Balai Besar Alor Setar ini?
B	Yang saya tahu, pengaruh dalam binaan bangunan Balai Besar Alor Setar ni ada pengaruh Siam, Nusantara dan Jawa.
A	Soalan keenam. Adakah Istana Balai Besar, Alor Setar pernah menjalani pemuliharaan? Siapakah yang terlibat dalam pemuliharaan ini?
B	Bangunan Balai Besar Alor Setar ni perlu menjalankan aktiviti konservasi pada tahun 2000 oleh pihak Muzium Kedah.
A	Seterusnya, soalan ketujuh. Apakah fungsi terkini Istana Balai Besar Alor Setar?
B	Balai Besar Alor Setar ni dijadikan pusat pemerintahan masa awal dibuka. Aktiviti – aktiviti yang berkaitan pemerintahan negeri Kedah semua dilakukan di Balai Besar termasuklah mesyuarat sultan bersama pembesar dan rakyat. Balai Besar juga digunakan untuk buat upacara rasmi diraja macam mentabal sultan atau perkawinan diraja tapi sekarang Balai Besar digunakan hanya untuk aktiviti rasmi diraja saja.
A	Untuk soalan kelapan pula, adakah perubahan fungsi bangunan ini berpotensi membawa manfaat kepada masyarakat setempat?
B	Pada pendapat saya, perubahan fungsi ni memang ada bagi sikit manfaat kat masyarakat sebab dengan kurangnya fungsi yang dijalankan di Balai Besar ni sebabkan kawasan dia sedikit lengang dan para pelancong boleh melawat kawasan tu sekaligus dapat tolong masyarakat yang berjualan berhampiran bangunan tu.
A	Bagi soalan kesembilan pula, kenapa fungsi Istana Balai Besar Alor Setar ini telah berubah pada masa kini?
B	Fungsi bangunan ni berubah sebab dia dah tak sesuai untuk buat aktiviti pemerintahan. Kawasan tu kawasan terbuka dan sangat umum jadi memang tak sesuai la untuk kita bincang perkara sulit negeri.
A	Soalan kesepuluh pula, Istana Balai Besar Alor Setar merupakan sebuah senibina warisan yang amat penting. Oleh itu, adakah pihak puan terlibat dalam pengurusan Istana Balai Besar Alor Setar ini? Adakah pihak tuan terlibat dalam pengurusan Istana Balai Besar?
B	Pihak kami memang tak pernah terlibat dengan aktiviti pengurusan Balai Besar Alor Setar ni. Kami hanya terlibat untuk simpan maklumat tentang Balai Besar sahaja.
A	Untuk soalan kesebelas pula, apakah usaha pengurusan warisan yang telah dilakukan oleh pihak puan untuk memelihara dan memulihiara senibina warisan ini?
B	Untuk tindakan pengurusan bangunan ni memang pihak kami tak buat...kami ni hanya bagi maklumat kepada masyarakat saja tu pun kalau ditanya atau ditemubual sebab Balai Besar ni dia bangunan kerajaan negeri.

A	Bagi soalan kedua belas pula. Adakah pihak anda akan terus melakukan tindakan pengurusan ini untuk masa yang akan datang?
B	Untuk teruskan aktiviti pengurusan, saya rasa pihak kami tidak sesuai nak buat kalau nak banding dengan pihak muzium atau pihak Jabatan Warisan Negara.
A	Ok. Untuk soalan ketiga belas, apakah tindakan pengurusan warisan ini akan berubah kerana dipengaruhi oleh faktor kemajuan dan pembangunan negara?
B	Untuk perubahan tindakan pengurusan ni saya rasa bergantung atas kehendak pihak kerajaan sama ada nak buat perubahan atau tak.
A	Untuk soalan keempat belas pada pendapat tuan, selain daripada pihak tuan pihak manakah yang harus memainkan peranan dalam aktiviti pengurusan bagi memelihara dan memulihara senibina warisan ini?
B	Ok. Kalau pendapat saya, macam saya kata tadi mungkin pihak Muzium Kedah atau Jabatan Warisan Negara lebih sesuai untuk memainkan peranan dalam pengurusan Balai Besar ni. Bagi kerajaan negeri memang perlu la.
A	Ok...soalan terakhir. Adakah pihak lain seperti NGO dan komuniti setempat perlu dilibatkan dalam aktiviti pemuliharaan ini?
B	Kalau tanya saya, memang saya akan jawab penglibatan pihak NGO dan komuniti la yang amat perlu sebab golongan ni dia ada kelebihan yang tersendiri yang tak ada pada pihak – pihak bertanggungjawab yang lain. Pihak NGO mungkin dapat bantu dari segi bantuan kewangan dan tenaga dan kalau pihak komuniti dilihat mampu membantu dari segi sebarkan maklumat.
A	Ok puan. Tamat sudah sesi temu bual kita. Terima kasih puan sebab sudi terima saya untuk temu bual ni.
B	Ok, sama – sama.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SOALAN TEMUBUAL

BIL	SOALAN
1.	Bagaimanakah sejarah pembinaan Istana Balai Besar, Alor Setar?
2.	Mengapakah Istana Balai Besar Alor Setar ini dibina?
3.	Bilakah Istana Balai Besar Alor Setar ini dibina?
4.	Istana Balai Besar Alor Setar merupakan binaan bangunan yang telah dibina semula, apakah struktur binaan ini telah berubah atau masih mengekalkan bentuk binaan asal?
5.	Apakah pengaruh yang terdapat didalam binaan Istana Balai Besar Alor Setar ini?
6.	Adakah Istana Balai Besar, Alor Setar pernah menjalani pemuliharaan? Siapakah yang terlibat dalam pemuliharaan ini?
7.	Apakah fungsi terkini Istana Balai Besar Alor Setar?
8.	Adakah perubahan fungsi bangunan ini berpotensi membawa manfaat kepada masyarakat setempat?
9.	Kenapa fungsi Istana Balai Besar Alor Setar telah berubah pada masa kini?
10.	Istana Balai Besar Alor Setar merupakan sebuah senibina warisan yang amat penting. Oleh itu, adakah pihak anda terlibat dalam pengurusan Istana Balai Besar Alor Setar?
11.	Apakah usaha pengurusan warisan yang telah dilakukan oleh pihak anda untuk memelihara dan memulihara senibina warisan ini?
12.	Adakah pihak anda akan terus melakukan tindakan pengurusan ini untuk masa yang akan datang?
13.	Apakah tindakan pengurusan warisan ini akan berubah kerana dipengaruhi oleh faktor kemajuan dan pembangunan negara?
14.	Pada pendapat anda, selain daripada pihak anda, pihak manakah lagi yang harus memainkan peranan dalam aktiviti pengurusan bagi memelihara dan memulihara senibina warisan ini?
15.	Adakah pihak lain seperti NGO dan komuniti setempat perlu dilibatkan dalam pemuliharaan ini?



**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF  
DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA  
KELANTAN**

**BORANG PENYERAHAN NASKHAH LAPORAN PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR  
MUTAKHIR**

Kepada,

Dekan,

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

**Penyerahan Naskah Mutakhir Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir**

Saya, ..... NUR IZZATI BINTI RAMLI ..... No Matrik..... C18A0297..... menyerahkan dua (2) naskah mutakhir Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir bertajuk:

PENGURUSAN WARISAN SENI BINA: TINJAUAN DI ISTANA BALAI BESAR, ALOR SETAR.

2. Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala pembetulan yang perlu telah dilakukan sebagaimana yang telah dicadangkan oleh penyelia dan pemeriksa.

Sekian, terima kasih

Tarikh: 25.2.2022

**Perakuan Penyelia**

Saya, DAENG HALIZA BINTI DAENG JAMAL penyelia kepada pelajar di atas dengan ini memperakunkan maklumat yang dinyatakan oleh pelajar adalah benar dan menerima penyerahan tersebut bagi pihak fakulti.

Terima kasih.

DAENG HALIZA DAENG JAMAL, PhD.  
Pensyarah  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan

Tarikh: 27022022